LAKARAN GEMILANG

HAL EHWAL PELAJAR UiTM CAWANGAN SELANGOR

MAC 2020 - DIS 2021

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | CAWANGAN SELANGOR

LAKARAN GEMILANG HEP UCS

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | CAWANGAN SELANGOR

MAC 2020 - DISEMBER 2021

© 2022 oleh Penerbit Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam, Pejabat Kolej Angsana dan Casuarina, Kolej Angsana, UiTM Puncak Alam.
E-mel: irwan5028@uitm.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia

LAKARAN GEMILANG HEP UCS:
Disemak oleh Profesor Madya Dr. Badrul Isa, Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Universiti Teknologi MARA, Selangor, Kampus Puncak Alam, 42300, Selangor

ISBN 978-967-26860-0-2

Dicetak oleh:
Jabatan Teknologi Percetakan
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka
Universiti Teknologi MARA Selangor
Kampus Puncak Alam
42300, Selangor

KANDUNGAN

KANDUNGAN ii
PRAWACANA vi
SEKAPUR SIREH vii
SETITIS TINTA viii

LAKARAN GEMILANG HEP UCS (MAC 2020 - FEB 2021)

AKTIVITI KOLEJ ZAMRUD/BAIDURI 10
- PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI KOLEJ ZAMRUD/BAIDURI, UiTM CAWANGAN SELANGOR. 13
- PENGAGIHAN MAKANAN KEPADA PELAJAR SEPANJANG PKP 1.0 16
- KEMPEN MEMATUHI SOP - PELITUP MUKA DAN PENJARAKAN DI KOLEJ ZB 18
- SUMBANGAN MAKANAN DARI PIHAK LUAR KEPADA PARA PELAJAR KOLEJ ZB 19
- GEROBOK REZEKI 20
- PENGHANTARAN PULANGPELAJAR SECARA BERPERINGKAT SEMASA PKP 1.0 21
- MAJLIS HARI RAYA TAHUN 2020 BERSAMA PENGETUA, SRK DAN PARA PELAJAR YANG TIDAK DAPAT PULANG. 22
- PERTANDINGANMENGHASILKAN POSTER BERTEMAKAN PKP & COVID-19 23
- PROGRAM JOM MEMBACA AL-QURAN 24
- ISOLASI PELAJAR BAHARU DAN LAMA YANG MENDAFTAR KOLEJ PADA JAN dan FEB 2021 25
- SESI PEMOTONGAN GELANG BAGI PELAJAR TELAH TAMAT ISOLASI 26
- AKTIVITI MENANAM POKOK SEPANJANG PKPB 27
- TAKLIMAT PERATURAN KOLEJ ZAMRUD/BAIDURI SECARA ONLINE 28
- BACAAN YASSIN DAN AL FAHFI SECARA MAYA DI INSTAGRAM 29

AKTIVITI KOLEJ CASUARINA 30
- BLOK KOLEJ CASUARINA SEMESTER MAC-JULAI 2020 31
- PEMBERIAN MAKANAN KEPADA PELAJAR YANG TERKANDAS SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 32
- CASUARINA MEGA CARNIVAL 3.0 33
- PENGHANTARAN PULANG PELAJAR TERKANDAS DI KAMPUS MENGIKUT ZON 35

AKTIVITI KOLEJ RAFFLESIA 36
- PERJUMPAAN BLOK BAGI PELAJAR KOLEJ RAFFLESIA 37
- AGIHAN MAKANAN KEPADA PELAJAR DI KOLEJ SEMASA PKP 37
- PENGHANTARAN PELAJAR RAC DAN NR PULANG KE KAMPUNG 38
- GEROBOK REZEKI UNTUK PELAJAR KOLEJ RAFFLESIA 38
- PEMBERIAN SUMBANGAN MAKANAN DAN BARANGAN KEPERLUAN BAGI KOLEJ RAC 39
- RAFFLESIA DOOR TO DOOR 40
- PERTANDINGAN KOMPOSISI BERTEMA NOTA LOCKDOWN KAMPUS PUNCAK ALAM 41
- KEMPEN LET'S CLEAN "OUR HOME" DURING COVID-19 42
- TEMUDUGA JPK RAFFLESIA SESI OKTOBER 2020-OKTOBER 2021 43
- PENDAFTARAN PELAJAR SESI OKTOBER 2020 – FEBRUARI 2021 43
- PEMINJAMAN BAHAN BACAAN 44
- RAFFLESIA QUIZ DAY! 45

AKTIVITI KOLEJ ANGSANA 46
- PERJUMPAAN KOLEJ ANGSANA ____ 47
- LIBRARY OF LIBROS ____ 48
- PENGHANTARAN PELAJAR PULANG SEMASA WABAK COVID-19 1.0 ____ 49
- JPK APPERENTICE ____ 49
- LAPORAN BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR UiTM CAWANGAN SELANGOR BAGI TAHUN 2019/2020 UNIT PENGURUSAN NON RESIDEN (UPNR) ____ 50

AKTIVITI KOLEJ KEDIAMAN DAHLIA-TUALANG (KAMPUS DENGKIL) 55
- PENGHANTARAN PELAJAR PULANG KE RUMAH SEMASA PKP ____ 56
- 1 HARI 1 HADIS ____ 57
- SEMBANG SANTAI ALAM MAYA ____ 57
- HANDY SADAQA ____ 58
- KEPIMPINAN DAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BERSAMA MANTAN JPK PUSAT ASASI ____ 59
- DEGREE'S INTERVIEW TIPS ____ 60
- REKA BENTUK KANDUNGAN POS AKAUN RASMI INSTAGRAM PUSAT ASASI UiTM ____ 61
- REKA BENTUK KANDUNGAN POS AKAUN RASMI INSTAGRAM PUSAT ASASI UiTM ____ 61
- DESIGN MEDIA BERKAITAN e-FESKO PUSAT ASASI UiTM 2021 ____ 62
- e-FESKO PHOTO CONTEST 2021 ____ 63
- e-FESKO Virtual Fun Run 2021 ____ 64
- e-FESKO POEM PROJECT 2021: MENTAL HEALTH (THE SECRET BATTLE) ____ 65
- CERAMAH ATAS TALIAN : PUNCA & AKIBAT PENYEBARAN DENGGI ____ 66
- SHARING SESSION : CONSENT FOR OUR PERSONAL DATA ____ 67
- VIRTUAL CHARADES ____ 67
- E-SPORT SHOWDOWN (VALORANT) ____ 68
- TALK ABOUT WOMEN 2021 (T.A.W 2021) ____ 69

LAKARAN GEMILANG HEP UCS (MAC - DIS 2021)

AKTIVITI KOLEJ ZAMRUD/BAIDURI 72
- TAKLIMAT PERATURAN KOLEJ ZAMRUD/BAIDURI ____ 73
- PENGHANTARAN PELAJAR PERGI DAN PULANG KE PUSAT VAKSIN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 ____ 74
- PROGRAM 'GO GREEN' ____ 75
- PROGRAM 'YOUTH VIRTUAL RUN' ____ 76
- PROGRAM MALAM MUNAJAT UiTM CAWANGAN SELANGOR BERSAMA REKTOR ____ 76
- SEMBANG SANTAI TIMBALAN SELANGOR BERSAMA KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN UiTM PUNCAK ALAM ____ 77
- PERGERAKAN PULANG BAGI PELAJAR UiTM SEMPENA CUTI SEMESTER DAN PRA AIDIL ADHA (ZON TENGAH) ____ 77
- JAMUAN HARI RAYA AIDIL ADHA KOLEJ ZAMRUD/BAIDURI ____ 78
- PEMILIHAN DAN SESI TEMU BUAL JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ SESI 2021/2022 - 6 OKTOBER 2021 ____ 78
- PENDAFTARAN PELAJAR BARU DAN LAMA KOLEJ ZAMRUD/BAIDURI ____ 79
- PROSES SARINGAN UJIAN COVID-19 BAGI PELAJAR ZAMRUD/BAIDURI YANG TERLIBAT SEBAGAI KONTAK RAPAT ____ 80
- PERTANDINGAN KARNIVAL BUDAYA KOLEJ (KARYAKU) ____ 81

AKTIVITI KOLEJ CASUARINA 82
- TAKLIMAT KOLEJ CASUARINA SEMESTER MAC 2021 - JULAI 2021 ____ 83
- CASUARINA INTERNATIONAL TALK 2021 ____ 84
- TAKLIMAT KOLEJ SESI OKTOBER 2021 - FEBRUARI 2022 ____ 85
- PROGRAM CORETAN ANAK BANGSA: HUBUNGAN BAHASA MALAYSIA DALAM PENDIDIKAN DAN PERLEMBAGAAN ____ 86
- LATIHAN KEBAKARAN DI CASUARINA 5 ____ 87

AKTIVITI KOLEJ RAFFLESIA 88
- FORUM "PANICGOGY: SURVIVING ONLINE CLASSES" ____ 89
- PERMAINAN INTERAKTIF KESEDARAN MENTAL ____ 89
- PERTANDINGAN MENCIPTA VIDEO PENDEK ____ 90
- (PENGURUSAN STRESS) ____ 90
- RAFFLESIA FUN GAMES: STRESS-FREE EDITION ____ 90
- FORUM BUSINESS PASCA COVID-19: MAHASISWA MENJANA DUIT TEPI ____ 91
- KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI ____ 91
- RAFFLESIAN MEET & GREET ____ 92
- PROGRAM ZUMBA: "LADIES DAY" ____ 93

AKTIVITI KOLEJ ANGSANA 94
- BENGKEL ASAS BAHASA ISYARAT ____ 95
- KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI ____ 96
- AGIHAN MAKANAN HARI RAYA AIDILADHA ____ 97
- THE AVATAR RUN ____ 98
- AGIHAN MAKANAN HARI RAYA AIDILADHA ____ 99
- BICARA ROHANI: BACAAN YASIN & SESI PERKONGSIAN ____ 100
- STAY FIT STAY SAFE ____ 101

AKTIVITI KOLEJ DAHLIA 102
- DAHLIA DIGITAL DESIGNERS (SIRI 1) ____ 103
- ADOBE PHOTOSHOP SLOT 1 & 2 ____ 103
- CHARITY RUN AMONG US 2021 ____ 104
- ART OF PERSONAL BRANDING: EFFECTIVE COMMUNICATION ____ 106
- SKIN HEALTH: "CANTIK LUAR, CANTIK DALAM" ____ 107
- INTERNATIONAL WEBINAR COMMUNICATION X CAREER (IWCC) ____ 108
- SUAI KENAL BERSAMA STAF RESIDEN KOLEJ (SRK) KOLEJ DAHLIA ____ 109

AKTIVITI KOLEJ SUNGAI BULOH & SELAYANG 110
- ANUGERAH TOKOH PERSATUAN DAN PENGHUNI KOLEJ KEDIAMAN UiTM SUNGAI BULOH & SELAYANG ____ 111
- ODL ERGONOMIK: KESELAMATAN DAN KESIHATAN KETIKA BELAJAR ____ 112
- EXCO OF THE MONTH ____ 113
- HEART TO HEART ____ 114
- PELABURAN PATUH SYARIAH: HALALKAH PELABURAN ANDA? ____ 114
- NATIONAL INTER MEDICAL COLLEGE COLLOQUY 1 (NIMCC) 2021 ____ 115
- JPK E-COMMERCE ____ 116
- JPK TIMELESS ____ 116
- FIQH PERUBATAN: JOM MENDAFTAR VAKSIN COVID-19, CEGAH SEBELUM KALAH ____ 117

AKTIVITI KOLEJ JASMIN 118
- PROTECH: BASIC VIDEO EDITING ____ 119
- BUILDING A BETTER MENTAL HEALTH ____ 119
- JASMINE PHOTO APPRECIATION FRONTLINERS ____ 120
- SEMBANG SUKAN ____ 120
- JASMINE TALK: LEADERS EDITION 1.0 ____ 121
- BELIEVE IN MIRACLE ____ 122
- TALENT STAR ____ 123
- VIRTUAL QURAN RECITAL ____ 123
- COVID-19 YOUTH VOICE ____ 124
- MALAM ASPIRASI PENGETUA ____ 125

AKTIVITI UNIT SUKAN 126
- KARNIVAL SUKAN MAHASISWA UiTM "VIRTUAL EDITION" 2021 ____ 127
- ASID e-SPORT ____ 127
- SUKAN ASASI MALAYSIA (SAM) 2021 ____ 128
- UiTM INTERNATIONAL SPORT FIESTA (e-SPORTS) 2021 ____ 128
- KARNIVAL SUKAN STAF (KARISTA) "VIRTUAL EDITION" 2021 ____ 129
- SPORT LEADERSHIP: EFFECTIVE LEADERSHIP INFLUENCE TEAM PERFORMANCE ____ 129
- KEJOHANAN CATUR ONLINE UiTM JOHOR 2021 ____ 130
- FIT YOUR BODY: VIRTUAL INDOOR WORKOUT ____ 130
- UiTM SPORTS ACADEMIC TRIATHLON (UiSAT) 2021 ____ 131
- ASEAN UNIVERSITY SPORTS COUNCIL (AUSC) VIRTUAL FIT CHALLENGE ____ 132
- KEJOHANAN LIGA UTAMA PERINGKAT KEBANGSAAN 2021 ____ 133

AKTIVITI GP UCS 134
- GABUNGAN PENGETUA UiTM CAWANGAN SELANGOR ____ 134
- PROGRAM BARAKAH RAMADHAN UCS ____ 135

AKTIVITI UNIT PERKHIDMATAN OKU 136
- PEMBERIAN SUMBANGAN BAUCER DISKAUN KEPADA PELAJAR B40 & PELAJAR OKU KAMPUS PUNCAK ALAM DARIPADA PENGUSAHA KAFE RICHIAMO, AT-TIJARAH ____ 137
- PELAJAR OKU KOLEJ DAHLIA, KAMPUS PUNCAK ALAM ____ 137

AKTIVITI UNIT PENTADBIRAN HEP 138
- Kelas Pengajian Kitab ____ 139
- Kelas Pengajian Al-Quran ____ 139
- Program Pertandingan Debat Siswa (Desiswa), Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ____ 140
- Program Sayembara Antarabangsa: Pidato Alam Melayu Universiti Teknologi Mara (UiTM) 2021 ____ 141
- Palam Dengue Prevention ____ 142
- Psychological First Aid (PFA) & Mental Health Skill ____ 143
- Program Ceria Perpaduan ____ 144
- Pertandingan Poster Digital ____ 145

PENGHARGAAN 146

JAWATANKUASA 146

PRAWACANA

YBHG. PROFESOR DR. MOHD SAZILI SHAHIBI
Kata Aluan
Timbalan Naib Canselor (HEP), UiTM

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Penerbitan Buku Lakaran Gemilang HEP UCS tahun 2021 merupakan satu usaha BHEP dalam merancang dan melaksanakan kepelbagaian agenda yang dimanifestasikan sebagai dokumentasi maklumat dan sumber rujukan semua warganya dan juga pihak lain yang berkepentingan. Buku ini merupakan wadah yang amat penting dalam memupuk semangat kecintaan yang tinggi terhadap UiTM dalam kalangan warganya. Buku yang diterbitkan ini akan menjadi salah satu medium bagi semua warganya mencapai aspirasi UiTM untuk menjadi sebuah pusat pengajian tinggi bertaraf dunia serta menjadi universiti terbaik. Ia juga selaras dengan agenda nasional membabitkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

Sepanjang tahun 2020 dan hingga hampir pertengahan tahun 2021 kita semua menempuh krisis penularan Covid-19 dengan pelbagai cabaran, namun saya yakin cabaran ini tidak akan menjadi penghalang kepada semua warga UiTM khususnya BHEP untuk menggapai kejayaan dan kecemerlangan. Dalam masa yang sama kita perlu mengimbangi segala hasrat ini dengan memastikan UiTM kekal menjadi sebuah institusi yang selamat untuk semua warganya. Cabaran perubahan dan krisis disebabkan Covid-19 seharusnya dijadikan satu titik permulaan untuk kita mengubah cara berfikir serta tindakan kepada pemikiran yang lebih kreatif dan inovatif dalam segala perancangan dan pelaksanaan.

Terima kasih kepada BHEP UCS kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan kata alu-aluan di dalam penerbitan Buku Lakaran Gemilang HEP UCS pada kali ini. Tahniah dan syabas juga Saya ucapkan kepada warga BHEP UCS khususnya sidang redaksi kerana telah berjaya menerbitkan buku ini dan menjadi kebanggaan kepada semua warga BHEP UCS.

Sekian. Selamat maju jaya.

SEKAPUR SIREH

YBHG. PROFESOR DR. AHMAD SAZALI HAMZAH
Kata Aluan
Rektor UiTM Cawangan Selangor

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Sekalung tahniah saya hadiahkan kepada Sidang Redaksi di atas kejayaan menerbitkan Buku Lakaran Gemilang HEP UCS tahun 2021 ini. Penerbitan buku ini sudah semestinya memerlukan usaha gigih mengumpulkan kejayaan pelajar dan staf BHEP dalam aktiviti pembangunan pelajar. Sungguhpun dunia berhadapan dengan masalah Covid 19, komitmen melahirkan mahasiswa unggul dan professional tetap di teruskan dengan kaedah baru. Berdepan dengan masalah Covid 19 memerlukan pasukan yang mampu bekerjasama dengan baik dan komunikasi perlu sentiasa terbuka bagi memudahkan pengurusan dan kebajikan warga pelajar. Coretan maklumat dan aktiviti yang di rakamkan dalam penerbitan ini memberikan gambaran dan bukti komitmen berterusan UiTM dalam melahirkan mahasiswa holistik.

Akhir kata, tahniah dan syabas diucapkan kepada Sidang Redaksi serta semua pihak yang telah berusaha gigih bagi merealisasikan penerbitan buku ini.

Sekian, terima kasih dan selamat maju jaya.

SETITIS TINTA

PROFESOR MADYA DR. BADRUL ISA
Kata Aluan
Timbalan Rektor (HEP) UiTM Cawangan Selangor

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan dan menerbitkan buku Lakaran Gemilang HEP UCS ini. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Sidang Redaksi di atas kejayaan meneruskan penerbitan Buku Lakaran Gemilang HEP UCS ini. Usaha yang dilaksanakan amat memberi makna yang besar kepada HEP UCS kerana menerusi penerbitan ini, kita dapat merakamkan pelbagai catatan peristiwa suka duka dan pahit manis serta usaha murni yang mewarnai pengalaman warga BHEP UCS dalam mencapai matlamat melahirkan warga pelajar UiTM yang professional.

Tahun 2021 merupakan tahun mencabar bagi semua warga BHEP seluruh sistem UiTM kerana mengurus dan membangunkan potensi pelajar semasa Covid 19 melanda dunia bukan perkara mudah. Semua program yang di rancang perlu disesuaikan dengan keperluan SOP dari semasa ke semasa. Pengalaman ini sewajarnya di rakamkan dan di dokumentasi agar dapat di jadikan rujukan.

Akhir kata di harap penerbitan buku ini dapat meningkatkan lagi komitmen dan dedikasi warga BHEP UCS untuk mempertingkatkan mutu penyampaian dan dan perkhidmatan kepada warga pelajar sekaligus mencapai matlamat menjadikan UiTM sebagai universiti cemerlang dan unggul.

Sekian, terima kasih

LAKARAN GEMILANG HEP UCS

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN SELANGOR

MAC 2020 - FEB 2021

AKTIVITI KOLEJ ZAMRUD/BAIDURI
DARI FEB 2020 SEHINGGA MAC 2021

Sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dilaksana pada bulan Mac 2020, beberapa siri pengisian oleh pelajar Kolej Zamrud dan Baiduri di Surau Alam Bina sempat dilaksanakan seperti program berikut ;

Fiqh Wanita

KOLEJ ZAMRUD/BAIDURI

Diskusi Kitab

KOLEJ ZAMRUD/BAIDURI

Bacaan Yassin

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI KOLEJ ZAMRUD/ BAIDURI, UiTM CAWANGAN SELANGOR.

Pada 16 Mac 2020 jam 10 malam waktu Malaysia, Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin memberi ucapan rasmi secara langsung di televisyen dan secara rasmi mengisytiharkan perintah kawalan pergerakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 berkuat kuasa pada 18 Mac 2020, Malaysia secara rasmi melaksanakan langkah kawalan pergerakan Perintah Kawalan Pergerakan pada tahun 2020 berkuatkuasa mulai 18 Mac 2020 - 31 Ogos 2020.

UiTM Cawangan Selangor tidak terkecuali menerima tempias pandemic Covid-19 yang melanda seluruh dunia. Dengan kerjasama pihak Hal Ehwal Pelajar dan Pengurusan Kolej Zamrud/Baiduri telah melaksana Langkah-langkah pelaksanaan pencegahan dan aktiviti bagi pelajar-pelajar yang terperangkap di Kolej Zamrud dan Baiduri. Malah Bilik Rekreasi Baiduri 2 telah dijadikan sebagai Bilik Gerakan sebagai tempat pusat penyebaran maklumat terkini selain daripada menjadi tempat penyimpanan stok makanan bagi pelajar yang terputus bekalan makanan.

KAEDAH YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH KOLEJ ZAMRUD/BAIDURI SEMASA PKP 1.0:

- Mewujudkan whatapp group bersama pelajar yang tidak balik (146 org), Pengetua Kolej,team pengurusan kolej, Staf Residen Kolej(SRK) dan Staf BMES(konsesi) di mana beroperasi selama 24 jam setiap hari.
- Semua pegawai di kolej kediaman ZB(Pengetua, Pengurus Asrama, Pen. Pengurus Asrama dan Staf Residen Kolej) sentiasa memastikan talian telephone dapat dihubungi 24 jam setiap hari.
- Bilik Gerakan diadakan di Bilik Rekreasi Kolej Baiduri 2:
- Lokasi penyimpanan barang keperluan pelajar .
- Tempat mesyuarat Pengetua dan SRK.
- Setiap lobi blok pelajar ditampal memo hotline pengurusan COVID-19 dan jadual Bertugas SRK.
- Setiap hari, team kolej (UPK dan SRK) akan sentiasa updated maklumat dan bertanyakan khabar pelajar.
- **GEROBOK REZEKI** di Surau ZB juga akan di kemaskini dari masa ke semasa.

BIL	MASA	AKTIVITI	RUJUKAN
1	11.00 pagi Hingga 2.00 petang	1. Berkumpul di Anjung Selera ZB 2. Lap meja persedian makanan berbungkus dan minuman pelajar 3. Susun atur makanan berbungkus pelajar. 4. Susun atur barang Keperluan peribadi pelajar. 5. Mengawal pergerakan pelajar yg mengambil makanan. 6. Memastikan jarak social dipatuhi oleh pelajar. 7. Memastikan kedatangan pelajar diambil. 8. Menyemak kehadiran pelajar yang mengambil makanan. 9. Jika ada pelajar yang tidak mengambil makanan, SRK akan menghubungi pelajar utk memeriksa keadaan pelajar. Ambil tindakan segera berdasarkan maklumbalas pelajar. 10. Pengetua dan SRK merasa makanan pelajar setiap kali masa makan (Food testing) 11. Setelah selesai, mengemas kembali kawasan penyediaan untuk kegunaan seterusnya.	1. Fail Data Pelajar Yang Berada Di Kolej ZB Untuk Tempoh 18 Hingga 31 Mac 2020. 2. File Kehadiran Pelajar Mengambil Makanan. 3. Laporan Bertugas SRK Onduty
2.	5.30 ptg Hingga 7.00 ptg	1. Berkumpul di Anjung Selera ZB 2. Lap meja persedian makanan berbungkus dan minuman pelajar 3. Susun atur makanan berbungkus pelajar. 4. Susun atur barang Keperluan peribadi pelajar. 5. Mengawal pergerakan pelajar yg mengambil makanan. 6. Memastikan jarak social dipatuhi oleh pelajar. 7. Memastikan kedatangan pelajar diambil. 8. Menyemak kehadiran pelajar yang mengambil makanan. 9. Jika ada pelajar yang tidak mengambil makanan, SRK akan menghubungi pelajar utk memeriksa keadaan pelajar. Ambil tindakan segera berdasarkan maklumbalas pelajar. 10. Pengetua dan SRK merasa makanan pelajar setiap kali masa makan (Food testing)	1. Fail Data Pelajar Yang Berada Di Kolej ZB Untuk Tempoh 18 Hingga 31 Mac 2020. 2. Fail Kehadiran Pelajar Mengambil Makanan. 3. Laporan Bertugas SRK Onduty
3.	8 malam hingga 11 pagi esok-nya	Whatapp group bagi pelajar yang tidak balik dan talian telephone SRK sentiasa siapsiaga 24 jam termasuk team BMES Konsesi.	

PEMBERIAN PELITUP MUKA DAN HAND SANITIZER KEPADA PELAJAR KOLEJ ZB

PENGAGIHAN MAKANAN KEPADA PELAJAR SEPANJANG PKP 1.0

PKP
1.0

KOLEJ
ZAMRUD/BAIDURI

KOLEJ
ZAMRUD/BAIDURI

KEMPEN MEMATUHI SOP – PELITUP MUKA DAN PENJARAKAN DI KOLEJ ZB

Kempen ini dilaksana dengan kerjasama Unit Kesihatan UiTM Cawangan Selangor dan Kolej Zamrud/ Baiduri

KOLEJ ZAMRUD/BAIDURI

SUMBANGAN MAKANAN DARI PIHAK LUAR KEPADA PARA PELAJAR KOLEJ ZB

Pelbagai sumbangan makanan dan peralatan harian diperolehi dari pelbagai NGO, Agensi dan Individu dengan kelulusan pihak Pengurusan UiTM Cawangan Selanor untuk diagihkan kepada para pelajar.

GEROBOK REZEKI

Gerobok rezeki adalah konsep pemberian sumbangan oleh staf UiTM atau mana mana individu secara sukarela yang ingin meletakkan makanan kering untuk diseumbangkan kepada pelajar yang terputus makanan. Lokasi almari makanan ini diletakan secara terbuka di ruangan Anjung Selera bagi memudahkan pelajar mengambilnya pada bila bila masa sahaja.



PENGHANTARAN PULANG PELAJAR SECARA BERPERINGKAT SEMASA PKP 1.0

Pihak Kolej Zamrud/Baiduri juga terlibat dalam proses penghantaran pelajar kolej Zamrud/Baiduri yang diselaraskan oleh pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM Shah Alam ke destinasi-destinasi yang telah ditetapkan. Urusan senarai nama dan keperluan dan pegawai pengiring diuruskan oleh pihak Unit Pengurusan Kolej dan SRK bagi memastikan semua proses berkaitan berjalan lancar.

MAJLIS HARI RAYA TAHUN 2020 BERSAMA PENGETUA, SRK DAN PARA PELAJAR YANG TIDAK DAPAT PULANG.

Bagi mengubat kesedihan para pelajar yang masih tinggal berhari raya di kolej, pihak pengurusan kolej telah mengadakan satu majlis ringkas sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama para pelajar dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh MKN dan Universiti.

PERTANDINGAN
MENGHASILKAN POSTER BERTEMAKAN PKP & COVID-19

Kolej Zamrud & Baiduri (ZB), UiTM Cawangan Selangor menawarkan Pertandingan Poster khusus Covid-19 atau PKP Sekitar Kolej ZB kepada pelajar yang masih berada di Kolej Zamrud & Baiduri sepanjang tempoh kawalan pergerakan (RMO).

Antara kriteria pertandingan seperti berikut :

Tajuk : **Covid-19 atau PKP Sekitar Kolej Zamrud & Baiduri.**
Tarikh akhir penyertaan : **4 April 2020**

Pelajar perlu upload/Post Poster di Instagram masing masing & tag **IG @Jpkzb serta hashtag #PkpZB #StayatZB.**

Medium Poster bebas & tiada syarat. Pelajar boleh menggunakan **Ps,Ai** ataupun **melukis** mengikut kesesuaian dan kreativiti sendiri.

Pemberian hadiah untuk pemenang adalah berdasarkan jumlah 'likes' yang diterima di akaun Instagram masing-masing dan perlu tag @jpkzb .

Tiga(3) pelajar menyahut cabaran tersebut dengan kreativiti poster yang tersendiri.

1. Nama : Mohd Norakmaal Hakimi bin Noordin
   No Pelajar : 2019572679
   Program : AD241 / FSSR

KOLEJ ZAMRUD/BAIDURI

2. Nama : Elora Bonnie
No Pelajar : 2018223606
Program : AP248 / FSPU

3. Nama : Norhanisah Binti Rosdi
No. Pelajar : 2019584387
Program : AD232 / FSSR

KOLEJ ZAMRUD/BAIDURI

PROGRAM JOM MEMBACA AL-QURAN

KHATAM JAMA'IE
==========

=======🌸🌸🌸🌸=======
Istiqomah 5-10 minit dlm kehidupan seharian untuk membaca Al-Quran
=======🌸🌸🌸🌸=======
Sila patuhi **STATUS** bacaan dgn memberi tanda berikut:
✅ Telah baca
✋ Belum baca
🙋 Bantuan
=======🌻🌻🌻🌻=======
JUZ' 5 HINGGA 6
^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^^
...Al-Fatihah.. Semua ahli baca..
>>>>>>>>>>>>>>>>>>>>>>>>
Muka surat:

123-124 : ✅Farisha
125-126 :
127-128 :
129-130 :
131-132 :
133-134 :
135-136 :
137-138 :

Jom Membaca al-Quran 🕌🌙
WhatsApp Group Invite

Follow this link to join my WhatsApp group:
https://chat.whatsapp.com/JXGPVCImsvY7Bqa9nlED7N

Join group

Program Jom Membaca Al Quran dilaksana bemula **27.11.2020** anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Kolej Zamrud/Baiduri. Para pelajar akan dijemput melalui aplikasi wassap dan pelajar akan membaca di bilik masing-masing dan mengemakini mukasurat dibaca di aplikasi tersebut

ISOLASI PELAJAR BAHARU DAN LAMA YANG MENDAFTAR KOLEJ PADA JAN dan FEB 2021

Para pelajar baharu dan lama yang mendaftar kolej secara berperingkat mulai Januari 2021 sehingga Mac 2021 diwajibkan isolasi dibilik masing-masing dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Universiti.

Pengagihan makanan mereka yang diisolasi mengikut kategori diuruskan oleh SRK yang bertugas dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan,

SESI PEMOTONGAN GELANG BAGI PELAJAR TELAH TAMAT ISOLASI

Pelajar yang telah tamat isolasi akan dibenarkan keluar bilik dan getah akan dipotong sebagai tanda bebas dari isolasi

AKTIVITI MENANAM POKOK SEPANJANG PKPB

Mulai 27.1.2021 , satu idea inisiatif telah dilaksanakan oleh Pengetua, SRK dan JPK dalam projek menanam pokok sepanjang musim PKPB.

TAKLIMAT PERATURAN KOLEJ ZAMRUD/BAIDURI SECARA ONLINE

Sesi taklimat Peraturan Kolej Zamrud/Baiduri kepada pelajar-pelajar kolej kemasukan Januari 2021 telah diadakan pada **20.1.2021 jam 9.00** malam melalui aplikasi googlemeet.

Sesi taklimat dipecahkan mengikut tiga(3) sesi oleh tiga(3) orang SRK Kolej Zamrud/Baiduri iaitu ;

Kolej Zamrud	:	Penceramah adalah En Zulkifli Ahmad Zaki dan dibantu oleh En Muhammad Aswat Abdullah
Kolej Baiduri 1	:	Penceramah adalah En Roslimi Ariffin dan dibantu oleh Pn Wan Zalmi
Kolej Baiduri 2	:	Penceramah adalah Pn Raslah Mohamad@Khamin dan dibantu oleh Pn Ruhaida Sabron





BACAAN YASSIN DAN AL FAHFI SECARA MAYA DI INSTAGRAM

Sepanjang PKP dan PKPB, Bacaan Yassin dan AlKahfi diteruskan dengan secara maya di Instagram JawatanPerwakilan Kolej Zamrud/Baiduri setiap hari Khamis selepas magrib









AKTIVITI KOLEJ CASUARINA
MAC 2020 - FEBRUARI 2021

PERJUMPAAN
BLOK KOLEJ CASUARINA SEMESTER MAC-JULAI 2020

3 Mac 2020, Surau Ibnu Sina - Seramai 1380 penghuni kolej Casuarina telah hadir ke perjumpaan blok kolej Casuarina yang diadakan pada 3 Mac 2020 lepas. VIP jemputan pula seramai 17 orang termasuk pengetua, staf UPK, SRK, wakil polis bantuan, wakil TRIplc, serta wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) turut menghadirkan diri ke perjumpaan blok tersebut.

Matlamat program dapat dicapai dimana para penghuni diberi pendedahan mengenai peraturan-peraturan kolej, langkah-langkah untuk membuat aduan atas sebarang kerosakan serta dapat mengenali pengetua, pihak UPK, SRK, JPK, dan JPB. Mereka juga diberikan peluang untuk mengajukan soalan kepada polis bantuan, wakil Triplc dan UPK tentang perkara-perkara berbangkit di kolej kediaman, serta aktiviti-aktiviti yang bakal dilaksanakan oleh pihak JPK dan JPB bagi semester 19/20.



PEMBERIAN MAKANAN KEPADA PELAJAR YANG TERKANDAS SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Februari sehingga Mac 2021, Kolej Casuarina - Seramai 70 pelajar yang sedang menjalankan isolasi di Kolej Casuarina telah menerima bantuan makanan sepanjang tempoh menjalankan isolasi. Pihak Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Casuarina Sesi II 2019/2020 telah dipertanggungjawabkan untuk membantu pihak pengurusan menghantar makanan tersebut kepada pelajar untuk memastikan kebajikan pelajar pada waktu berkenaan sentiasa dijaga dengan baik. Prosedur berkenaan dijalankan mengikut kaedah serta SOP yang baik dan ketat bagi memastikan tiada pelajar mahupun pegawai bertugas yang terlibat tidak terdedah dengan sebarang risiko jangkitan.

Sebuah rumah isolasi hanya dimuatkan oleh empat orang pelajar secara maksimum bagi memenuhi keperluan SOP sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada waktu berkenaan.

Pihak JPK menghantar makanan tersebut kepada pelajar dengan hanya meletakkan makanan tersebut di luar rumah masing-masing mengikut ruang yang telah disediakan. Hal ini juga untuk memastikan tiada kontak secara terus kepada pelajar yang menjalani isolasi terjadi.

CASUARINA MEGA CARNIVAL 3.0

9/3/2020 – 12/3/2020, UiTM Cawangan Selangor kampus Puncak Alam - Sebanyak 26 vendor yang membuat pelbagai jualan makanan, minuman dan pakaian yang telah terlibat dalam Food Galore pada karnival tersebut. Selain itu, terdapat juga 4 mini games yang disediakan termasuklah Giant Bubble, Double Seated Bicycle, Roller Blade, dan Archery Shooting yang dapat memeriahkan lagi karnival ini dengan penglibatan para pelajar. Terdapat juga aktiviti seperti Open Mic dan Mini Concert bersama Instafamous, Iman Troye yang bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar untuk menyerlahkan bakat mereka malah aktiviti ini juga menjadi platform kepada pelajar untuk melepaskan tekanan yang dihadapi sepanjang menimba ilmu pengetahuan.

Matlamat program dapat dicapai di mana para penghuni bukan sahaja Kolej Casuarina dan Angsana malah semua pelajar dari semua kolej telah mengambil bahagian dalam Casuarina Mega Carnival 3.0 ini bagi mengisi masa lapang mereka dengan perkara berfaedah dan mengurangkan tekanan. Bukan itu sahaja, matlamat utama program ini adalah untuk memupuk semangat dan menambahkan pengetahuan serta kemahiran dalam mengendalikan program keusahawanan dalam kalangan para pelajar terutamanya residen Kolej Casuarina.

PENGHANTARAN PULANG PELAJAR TERKANDAS DI KAMPUS MENGIKUT ZON

5 Mei 2020, UiTM Cawangan Selangor kampus Puncak Alam - Pihak Pengurusan UiTM Cawangan Selangor telah menyediakan pengangkutan untuk menghantar pelajar yang terkandas di UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam ke Shah Alam sebelum pulang mengikut zon masing masing. Para pelajar telah berkumpul di Kompleks Kemudahan Pelajar Rafflesia dan bertolak ke UiTM Shah Alam pada jam 3.15 petang. Seramai 21 orang termasuk seorang pengiring dan pemandu bas selamat tiba di UiTM Shah Alam pada jam 3.48 petang.

Pemeriksaan awal oleh petugas bagi memastikan semua pelajar telah melaksanakan saringan kesihatan sebelum masuk ke UiTM Shah Alam. Seterusnya, pelajar menunggu di dalam bas sehingga nama daerah diumumkan untuk turun bagi membuat pemeriksaan dokumen dan senarai nama. Akhir sekali, nombor bas diberikan kepada pelajar dan mereka menaiki bas mengikut nombor yang telah ditetapkan menuju ke daerah masing-masing.

AKTIVITI KOLEJ RAFFLESIA
MAC 2020 - FEBRUARI 2021

PERJUMPAAN BLOK BAGI PELAJAR KOLEJ RAFFLESIA

Tarikh: **16/3/2020**
Tempat & Masa: Surau Ibnu Sina
Info berkaitan dengan program: Melibatkan 600 orang dari Kolej Rafflesia

AGIHAN MAKANAN KEPADA PELAJAR DI KOLEJ SEMASA PKP

Tarikh: **18/3/2020 - 9/6/2020**
Tempat & Masa: Kolej Kemudahan Pelajar Rafflesia (KKPR)
Info berkaitan dengan program: Pengagihan makanan diuruskan oleh JPK,SRK dan staff kolej Makanan diberi kepada 250 pelajar untuk makan tengahari, malam dan semasa bulan Ramadhan makanan berbuka puasa dan sahur

PENGHANTARAN PELAJAR RAC DAN NR PULANG KE KAMPUNG

Tarikh: **18/3/2020-9/6/2020**
Tempat & Masa: Kolej Kemudahan Pelajar Rafflesia (KKPR)
Info berkaitan dengan program: Aktiviti penghantaran pulang pelajar melibatkan seramai 500 orang. Diuruskan oleh JPK, SRK dan staff kolej

GEROBOK REZEKI UNTUK PELAJAR KOLEJ RAFFLESIA

Tarikh: **18/3/2020 - 9/6/2020**
Tempat & Masa: KKPRA, Waktu pejabat
Info berkaitan dengan program: JPK, SRK dan Staf Kolej menguruskan gerobok rezeki yang mana sumbangan dari MERCY untuk 250 orang pelajar

PEMBERIAN SUMBANGAN MAKANAN DAN BARANGAN KEPERLUAN BAGI KOLEJ RAC

Tarikh: **Bermula daripada 27/3/2020**
Tempat: Bilik Gerakan Rafflesia
Masa: 12 tengahari - 1.30 petang / 5.30 petang - 7.00 malam
Info berkaitan dengan program: Semua pelajar Kolej RAC boleh mengambil maximum 3 barang keperluan tersebut dengan membawa plastik sendiri serta mematuhi langkah-langkah keselamatan iaitu mengambil jarak 1 meter.

RAFFLESIA DOOR TO DOOR

Tarikh: **Mulai 28/3/2020**

- 28 Mac 2020 (Sabtu) : Rafflesia 1
- 29 Mac 2020 (Ahad) : Rafflesia 3
- 30 Mac 2020 (Isnin) : Rafflesia 4
- 31 Mac 2020 (Selasa) : Rafflesia 5
- 1 April 2020 (Rabu) : Rafflesia 6

Tempat: Blok Kolej Rafflesia
Masa: 9pm - 10.30pm
Info berkaitan dengan program: Pihak JPK Rafflesia akan membuat lawatan Door-To-Door di setiap Blok Rafflesia untuk memastikan semua pelajar dalam keadaan baik.

PERTANDINGAN KOMPOSISI BERTEMA NOTA LOCKDOWN KAMPUS PUNCAK ALAM

Tarikh: **5/4/2020 - 9/4/2020**
Tempat: Instagram atau Facebook
Info berkaitan dengan program: Khas buat pelajar UiTM Kampus Puncak Alam yang masih berada di dalam kampus sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Cara penyertaan: Kongsikan komposisi anda dan tag akaun rasmi pertandingan di media sosial Instagram atau Facebook beserta dengan hashtag berikut: #StayInCampus #RACpower #palamlockdown

Sila isi penyertaan anda melalui Google Form : https://forms.gle/NJV5euWCSnDPKK3t6

-Komposisi anda hendaklah tidak melebihi 1000 patah perkataan.
-Format komposisi adalah bebas mengikut kreativiti anda.
-Dwi bahasa (Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris)
-Semua komposisi yang dihantar mestilah komposisi asli.

Penilaian akan dibuat oleh:

-Juri 1 - Puan Rosmieza Che Mat (Penulis)
-Juri 2 - Dr. Rohani Mohd (Pensyarah)
-Juri 3 - En. Asrul Hafiz Huliman Hami Ahmad (Pensyarah)

Kriteria penilaian: 1. Penggunaan bahasa 2. Kreativiti Penyampaian

-Lima (5) komposisi terbaik yang terpilih akan berpeluang memenangi hadiah dan diumumkan pada 11 APRIL 2020 (Sabtu) melalui akaun rasmi Instagram dan Facebook pertandingan ini semua pelajar dalam keadaan baik.


Wani Mashudi
14 April at 14:04

NOTA LOCKDOWN DI KAMPUS.

Pertandingan Komposisi
#STAYINCAMPUS
#RACPOWER
#PALAMLOCKDOWN

N KAMPUS PUNCAK ALAM

lah Kawalan Pergerakan (PKP) di kampus. Dan mungkin
hikmah disebalik semua ini. Pada semua orang terutam
da di kampus menguruskan pelajar Rafflesia bersama 3
Rafflesia yang lain, sama sekali tidak pernah aku bayang
emua pelajar Rafflesia? Dan lebih parah lagi JPK Kolej ya
cara tidak langsung, kami harus membantu menguruska
nya ialah Kolej Angsana dan Casuarina. Sesungguhnya, b
a, kami bimbang kami ada terlepas pandang mana man
. Tapi mujur. Ada Majlis Perwakilan Pelajar yang setia be
pelajar kolej Kampus Puncak Alam semua dijaga dengan
juga tidak lokek untuk berkongsi dengan kami apa apa

apa minggu berada disini, Alhamdulillah
ling buruk. Hendak dijadikan cerita, ada
di pramugari. Bukan kerana pinggangnya
ketika memakai seragam. Tetapi hanyala
ramah mesra dengan semua penumpang
enyum pada mereka. Tapi apakan daya,
Jauh sekali jika aku ingin menjadi seoran
jadi seperti Heliza Helmi yang kesana-ke
nberikan senyuman di muka orang lain. T

cara tidak langsung, kami harus membantu menguruska
nya ialah Kolej Angsana dan Casuarina. Sesungguhnya, b
a, kami bimbang kami ada terlepas pandang mana man
. Tapi mujur. Ada Majlis Perwakilan Pelajar yang setia be
pelajar kolej Kampus Puncak Alam semua dijaga dengan
juga tidak lokek untuk berkongsi dengan kami apa apa

apa minggu berada disini, Alhamdulillah
ling buruk. Hendak dijadikan cerita, ada
di pramugari. Bukan kerana pinggangnya
ketika memakai seragam. Tetapi hanyala
ramah mesra dengan semua penumpang
enyum pada mereka. Tapi apakan daya,
Jauh sekali jika aku ingin menjadi seoran
jadi seperti Heliza Helmi yang kesana-ke
nberikan senyuman di muka orang lain. T

KEMPEN LET'S CLEAN "OUR HOME" DURING COVID-19

Tarikh: **12/4/2020**
Tempat: Kolej Kediaman masing masing
Masa: 8.00 pagi - 5.00 petang
Info berkaitan dengan program: Melibatkan semua pelajar Kolej RAC untuk membersihkan rumah daripada sebarang kuman dan kotoran. Pelajar memuat naik gambar atau video semasa program bersama hashtag #CleanOurHome #StayInCampus #StayClean di media sosial.

Bahan pencuci boleh diambil di Bilik Gerakan Rafflesia pada 11/4/20 jam 5.30 petang - 7.00 petang



TEMUDUGA JPK RAFFLESIA SESI OKTOBER 2020-OKTOBER 2021

Tarikh: **25/8/2020 - 27/8/2020**
Tempat & Masa: Google meet
Info berkaitan dengan program: Melibatkan 30 calon JPK Rafflesia 20/21, JPK Rafflesia 19/20, SRK dan UPK



PENDAFTARAN PELAJAR SESI OKTOBER 2020 – FEBRUARI 2021

Tarikh: **2/10/2020**
Tempat & Masa: Dewan Serbaguna Kolej Rafflesia
Info berkaitan dengan program: 600 orang

PEMINJAMAN BAHAN BACAAN

Tarikh: **29/3/2020**
Tempat & Masa: Bilik Gerakan Rafflesia
Info berkaitan dengan program: Semua pelajar yang berada di kolej semasa PKP. Pelbagai bahan bacaan dalam bahasa Melayu yang bersifat motivasi, ilmiah dan kerohanian

VIRTUAL RUN MERDEKA FRUNTLINERS

Tarikh: **23/8/2020-4/9/2020**
Tempat & Masa:
Info berkaitan dengan program: Diadakan untuk meningkatkan semangat kemerdekaan dalam diri peserta serta menyokong kerja keras barisan 'frontliners' yang telah berbakti sepanjang PKP. Program diadakan dengan kerjasama MPP UiTM SeMalaysia, Jawatankuasa Sukan Pelajar, KDS Apparel dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej

RAFFLESIA QUIZ DAY!

Tarikh: **13/3/2020**
Tempat & Masa: Google form (9-10pm)
Info berkaitan dengan program: Quiz terbahagi kepada 3 bahagian:

1. Maklumat diri
2.. Quiz bertemakan warisan tradisional
3. Pengetahuan mengenai adab dan akhlak

AKTIVITI KOLEJ ANGSANA
MAC 2020 - FEBRUARI 2021

PERJUMPAAN KOLEJ ANGSANA

Tarikh: **5 Mac 2020**
Tempat & Masa: Surau Ibnu Sina
Info berkaitan dengan program: Penghuni Kolej Angsana (1000 orang) Penghuni kolej diberikan pengenalan tentang Kolej Kediaman Angsana serta didedahkan berkenaan dengan beberapa perkara lain seperti peraturan serta sesi soal jawab antara penghuni dengan pihak pentadbiran kolej.



LIBRARY OF LIBROS

Tarikh: **6 & 12 Mac 2020**
Tempat & Masa: Kompleks Kemudahan Pelajar Angsana, 8 malam.
Info berkaitan dengan program: Penghuni Kolej Angsana ((800-1000 orang). Peserta program mendapat akses ke sebuah e-book pilihan dengan bayaran RM1 untuk setiap buku. Had maksima pembelian ialah sebuah e-book seorang untuk setiap tarikh tersebut.

PENGHANTARAN PELAJAR PULANG SEMASA WABAK COVID-19 1.0

Tarikh: **18 Mac – 3 Jun 2020**
Tempat & Masa: Kompleks Kemudahan Pelajar Rafflesia & Dahlia
Info berkaitan dengan program: Penghuni kolej UiTM Puncak Alam. Proses penghantaran pulang ke kampung halaman pelajar yang terkandas di kampus semasa wabak COVID-19.



JPK APPERENTICE

Tarikh: 2 & 9 Mei 2020
Tempat & Masa: Kompleks Kemudahan Pelajar Rafflesia & Dahlia
Info berkaitan dengan program: Pencarian pelapis Jawatankuasa Perwakilan Kolej Angsana untuk sesi baharu.

LAPORAN BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR UiTM CAWANGAN SELANGOR BAGI TAHUN 2019/2020 UNIT PENGURUSAN NON RESIDEN (UPNR)

NAMA AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA	ULASAN
NR REGISTRATION DAY	19 SEPT 2020	BOOTH SATELIT B & KOMPLEKS ALAM BINA	TIIDAK DINYATAKAN	Program ini merupakan program JPNR yang bertujuan untuk mendekati pelajar NR dan memberi informasi tentang perkhidmatan Unit Pengurusan Non Residen, dan juga peranan JPNR dalam membantu pelajar NR yang berasa di Bandar Puncak Alam

NAMA AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA	ULASAN
PROGRAM NR2U: LAWATAN BERKALA PELAJAR NON RESIDEN	21 - 25 OKT 2019	ZON 2, ZON 3 & ZON 4 BANDAR PUNCAK ALAM	# 200 ORG (25 BUAH RUMAH)	Program Lawatan Berkala ini merupakan program wajib yang sentiasa diadakan pada setiap semester. Program ini mendapat kerjasama yang baik bukan sahaja dikalangan SRK NR, malah ia turut melibatkan Persatuan dan Jawatankuasa setempat.

NAMA AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA	KOS / BAJET
XPDC BERSAMA NR "A WALK IN THE WOODS, A STEP IN THE NATURE"	16 NOV 2019	BUKIT BOTAK BANDAR PUNCAK ALAM	#50 ORANG	Program ini merupakan program riadah melibatkan jalinan pelajar NR, JPNR dan SRK. Turut dimeriahkan dengan kehadiran Rektor UCS iaitu Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Abdul Majeed,.

NAMA AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA	ULASAN
SESI RAMAH MESRA BERSAMA REKTOR UCS	23 NOV 2019	DEWAN PAVILION UCS KPA	#450 – 500 ORANG	Program anjuran JPNR bertujuan mengeratkan hubungan di antara pihak universiti, JPNR dan juga wakil Majlis Perwakilan Penduduk Puncak Alam. Rektor UCS ketika itu, Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Abdul Majeed amat berbesar hati hadir dan merasmikan program ini. Majlis Perwakilan Penduduk Puncak Alam diketuai oleh Tuan Hj. Mohd Hanif Mohd Sultan.

NAMA AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA	ULASAN
TEAM BUILDING JPNR 2020	21 JAN - 22 JAN 2020	PHOTON VALEY ECO RESORT HULU LANGAT	# 25 ORG (JPNR & SRK)	Program ini adalah anjuran JPNR'20 bertujuan memberi pendedahan kepada anggota JPNR yang baru tentang hal-hal pentadbiran, perancangan dan penyediaan kertaskerja disamping mewujudkan semangat kerja berpasukan dikalangan mereka termasuk juga SRK NR.

NAMA AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA	ULASAN
PROGRAM NR 911 : COVID 19	MAC - MEI 2020	MEDAN MAKAN MDKS, FASA 3 BANDAR PUNCAK ALAM	# 125 - 150 ORG (PELAJAR NR)	Pengagihan Makanan Kepada Pelajar NR yang terkandas di rumah sewa semasa PKP di isytiharkan. Pusat Pengagihan di Medan Makan MDKS di Fasa 3, Bandar Puncak Alam



NAMA AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA	Ulasan
PENGHANTARAN PULANG PELAJAR NON RESIDEN SABAH & SARAWAK SEMASA WABAK COVID19 1.0	5 – 25 MEI 2020	KKPR DAN DEWAN BERLIAN, UCS	181 ORANG	Proses penghantaran pelajar yang terkandas ini berpusat di beberapa tempat seperti di Dewan Berlian dan Komplek Kemudahan Pelajar Rafflesia (KKPR). Proses penghantaran ini diselaraskan oleh MPP dengan kerjasama KPT serta melibatkan pematuhan SOP yang ketat sepertimana yang ditetapkan oleh KKM

BIL	TARIKH	STATUS PELAJAR	KAMPUS	DESTINASI	BIL PELAJAR
1	5 Mei 2020	NR	KPA	K.L - KUCHING	10
			KPP	K.L - KUCHING	4
2	6 Mei 2020	NR	KPA	K.L - KUCHING	9
			KPP	K.L - KUCHING	5
3	7 Mei 2020	NR	KPA	K.L - KUCHING	4
			KPP	K.L - KUCHING	5
4	9 Mei 2020	NR	KPA	K.L - KUCHING	1
			KPP	K.L - KUCHING	3
5	11 Mei 2020	NR	KPA	K.L - BINTULU	13
			KPP	K.L - BINTULU	4
6	12 Mei 2020	NR	KPA	K.L - K.K	24
			KPP	K.L - K.K	30
7	15 Mei 2020	NR	KPA	K.L - LABUAN	3
8	16 Mei 2020	NR	KPA	K.L - KUCHING	4
			KPP	K.L - KUCHING	3
			ARAU	K.L - KUCHING	2
			P.PINANG	K.L - KUCHING	1
			SEREMBAN 3	K.L - KUCHING	1
9	17 Mei 2020	NR	KPP	K.L - MIRI	1
10	18 Mei 2020	NR	KPA	K.L - SIBU	11
			KPP	K.L - SIBU	8
11	19 Mei 2020	NR	KPA	K.L - K.K	13
12	20 Mei 2020	NR	KPA	K.L - K.K	13
			KPP	K.L - K.K	9
	JUMLAH				**181 ORANG**



AKTIVITI KOLEJ KEDIAMAN DAHLIA-TUALANG (KAMPUS DENGKIL)

MAC 2020 - FEBRUARI 2021

PENGHANTARAN PELAJAR PULANG KE RUMAH SEMASA PKP

Tarikh: **Sepanjang bulan 5 dan 6 2020**
Tempat & Masa: Shah Alam & Klia
Info berkaitan dengan program: 160 orang terlibat. Penghantaran pelajar pulang yang terkandas di pusat asasi UiTM dengkil sepanjang tempoh pkp. Srk yang bertugas ialah puan Sa'diah binti A Majid dan SRK-SRK yang lain. Terdapat dua pusat berkumpul penghantaran pulang iaitu di Shah Alam dan KLIA.





1 HARI 1 HADIS

Tarikh: **Sepanjang bulan 5 dan 6 2020**
Tempat & Masa: Di platform media sosial
Info berkaitan dengan program: Semua pelajar terlibat. Penasihat program ialah puan sadiah bt a majid. Program ini berlangsung sepanjang bulan disember 2020 sehingga sekarang di mana banyak hadis2 yang akan dikongsi di media sosial untuk tatapan pelajar.





SEMBANG SANTAI ALAM MAYA

Tarikh: **2/4/2021**
Tempat & Masa: Google Meet
Info berkaitan dengan program: 110 pelajar. Penasihat program ialah puan Sadiah bt A Majid. Program ini diadakan bagi merapatkan hubungan silaturrahim di antara pelajar dan para SRK kerana kekangan untuk berjumpa secara berhadapan demi menjaga SOP.



KOLEJ DAHLIA / TUALANG

HANDY SADAQA

Tarikh: **Sepanjang bulan Ramadhan 2021**
Tempat & Masa: Bilik TV Dahlia 3
Info berkaitan dengan program: 110 pelajar terlibat. Penasihat program ialah puan Sadiah bt A Majid. Program ini diadakan bagi memberi peluang kepada SRK dan staff untuk membuat amal jariah dengan bersedekah makanan kepada pelajar yang beradi di kampus di kolej Dahlia.

KEPIMPINAN DAN KECEMERLANGAN AKADEMIK BERSAMA MANTAN JPK PUSAT ASASI

Tarikh: **12 Februari 2021**
Tempat & Masa: Platform Online Google Meets
Info berkaitan dengan program: 60 orang JPK terlibat. Program anjuran JPK Biro Akademik & Keusahawanan bertujuan bagi sesi perkongsian bersama Mantan YDP JPK Pusat Asasi diadakan bagi memberi peluang kepada JPK sesi 2020/21 menimba ilmu, info mahupun pengalaman daripada mantan JPK UiTM Dengkil sebelum ini tentang cara-cara yang efektif dalam memastikan diri mereka sebagai seorang pelajar dan pemimpin di sesebuah kampus kekal seimbang dari segi akademik dan kokurikulum sehingga mereka mampu menjalankan tugas mereka dengan baik sekali dan juga menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam akademik walaupun ditekan dibebani dengan pelbagai aktiviti kolej dan aktiviti rasmi Pusat Asasi.

Justeru, program ini amatlah membantu dalam membekalkan kemahiran seorang pemimpin kepada setiap ahli JPK yang akan dikongsikan oleh Mantap JPK yang sangat cemerlang bukan sahaja dalam kepimpinan tetapi cemerlang juga dalam prestasi akademik. Selain itu juga, ianya membolehkan ahli JPK yang dilantik sekarang dapat memperbaiki kualiti diri dan menjadi contoh yang baik kepada pelajar-pelajar di UiTM Dengkil. Program ini telah dirasmikan oleh Penasihat JPK Biro Akademik & Keusahawanan iaitu En Nor Hisyam Husin dan turut dihadiri staf-staf Residen Kolej yang lain. dengan bersedekah makanan kepada pelajar yang beradi di kampus di kolej Dahlia.





DEGREE'S INTERVIEW TIPS

Tarikh: **04 April 2021**
Tempat & Masa: Siaran Langsung Youtube Channel Pusat Asasi UiTM
Info berkaitan dengan program: 2300 orang pelajar terlibat. Program anjuran JPK Biro Akademik & Keusahawanan iaitu program yang memberi pelbagai tips bagi pelajar membuat persiapan dalam proses temuduga. Dengan program ini, para pelajar dapat mencatat dan mengetahui perkara baharu dan petua-petua yang berguna daripada para-para panel kita. Program ini dibuat dengan tujuan untuk memberi perkongsian tips temuduga kemasukan ke degree bagi para-para pelajar di semester 2. Hal ini dikatakan demikian kerana, para pelajar semester ini tidak dapat merasai pembelajaran secara bersemuka (face to face) akibat pandemik covid-19 ini. Mereka juga kurang mendapat pendedahan mengenai cara untuk menghadapi temuduga kemasukan ke degree pada masa hadapan.

Program ini telah menjemput seramai 5 orang panel yang terdiri dari bekas pelajar-pelajar Asasi UiTM yang telah menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda yang telah mengalami pengalaman semasa proses temuduga kemasukan ke peringkat Ijazah sebelum ini.

Program ini diharap dapat membantu para pelajar mempunyai persediaan yang cukup untuk menjalani sesi temuduga dan dapat i memperoleh tips-tips yang berguna daripada para panel. Program ini telah dirasmikan oleh Pengetua Kolej Pusat Asasi iaitu En Mahadi Kamaludin dan turut dihadiri bersama Penasihat Biro Akademik & Keusahawanan iaitu En Nor Hisyam Husin. Seramai hampir 2300 pelajar telah hadir ke sesi ini yang dibuat secara langsung melalui saluran Youtube Pusat Asasi.



REKA BENTUK KANDUNGAN POS AKAUN RASMI INSTAGRAM PUSAT ASASI UiTM

Tarikh: **Sepanjang bulan 10 dan 11 2020**
Tempat & Masa: Instagram
Info berkaitan dengan program: 7 ahli JPK dan sekretariat JPK exco multimedia terlibat. Perancangan kandungan menarik dan berinformasi untuk dipost di akaun rasmi Instagram pusat asasi UiTM sepanjang bulan 10 dan 11 2020 dengan kerjasama antara JPK exco multimedia dan unit korporat pusat asasi UiTM.

REKA BENTUK KANDUNGAN POS AKAUN RASMI INSTAGRAM PUSAT ASASI UiTM

Tarikh: **Sepanjang bulan 10 dan 11 2020**
Tempat & Masa: Instagram
Info berkaitan dengan program: 7 ahli JPK dan sekretariat JPK exco multimedia terlibat. Perancangan kandungan menarik dan berinformasi untuk dipost di akaun rasmi Instagram pusat asasi UiTM sepanjang bulan 10 dan 11 2020 dengan kerjasama antara JPK exco multimedia dan unit korporat pusat asasi UiTM.

DESIGN MEDIA BERKAITAN e-FESKO PUSAT ASASI UiTM 2021

Tarikh: **15/3/2021**
Tempat & Masa: Di platform media sosial
Info berkaitan dengan program: 6 ahli jpk dan sekretariat JPK exco multimedia terlibat. Semua ahli JPK dan sekretariat JPK exco multimedia diberi tanggungjawab untuk mereka bentuk poster-poster berkaitan e-fesko pusat asasi uitm 2021 dengan bimbingan penasihat exco multimedia, puan Nur Hikamah binti Seth. Satu laman web khas untuk paparan aktiviti-aktiviti e-fesko juga disediakan: https://efeskoasasiuitm.Wixsite.Com/2021.

KOLEJ DAHLIA / TUALANG

e-FESKO PHOTO CONTEST 2021

Tarikh: **17 - 20 MAC 2021**
Tempat & Masa: Google Form & Instagram
Info berkaitan dengan program: 174 pelajar terlibat. Program pertandingan fotografi asasi dengkil yang bertemakan "appreciating little things" dan "where it all begins" diadakan untuk disertai oleh pelajar kolej dahlia & tualang. Penasihat program ini ialah puan Nur Hikamah binti Seth. Program tersebut bertujuan untuk membantu para pelajar mendapatkan markah kokurikulum (koko) melalui hasil fotografi yang kreatif dan memberi impak positif seiring bertujuan meningkatkan visibiliti pusat asasi UiTM dengan pendekatan yang kreatif dan santai. Panel juri pertandingan tersebut terdiri daripada beberapa SRK iaitu pn. Mas fiza mustafa & pn. Asiah mohamad serta semua ahli JPK & sekretariat JPK exco multimedia 20/21.



e-FESKO Virtual Fun Run 2021

Tarikh: **13 MAC 2021**
Tempat & Masa: Google Form
Info berkaitan dengan program: 147 PELAJAR terlibat. Walaupun kita sedang mengalami pandemik Covid-19 yang kian menular dari hari ke hari, bukanlah alasan untuk tidak boleh menjaga kesihatan. Exco Keselamatan & Kesihatan, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar mengambil inisiatif sempena e-FESKO 2021 untuk melaksanakan program yang dilaksanakan secara atas talian. Justeru program ini dinamakan sebagai 'virtual fun run'. Ini dapat memberikan kesedaran kepada para pelajar bahawa kesihatan perlulah dijaga dengan baik kerana sudah semestinya kita ingin hidup dengan sihat dan ingin hidup dalam jangka masa yang lama.

Program ini dijalankan dimana para pelajar perlu berlari selama 5 km pada masa yang telah ditetapkan iaitu bermula pada jam 7 a.m. sehingga 7 p.m. Mereka perlu merekodkan larian mereka menggunakan aplikasi yang sesuai seperti Runkeeper, Nike Run, Adidas Running App by Runtastic dan sebagainya. Selepas mereka merekodkan larian mereka, mereka perlu memuat naik gambar jarak larian mereka ke dalam google form yang diberikan. Akhir sekali, ahli jawatankuasa program akan membuat semakan terhadap gambar yang telah dimuat naik bagi memastikan gambar itu sahih dan layak untuk mendapat markah kokurikulum.



KOLEJ DAHLIA / TUALANG

e-FESKO POEM PROJECT 2021: MENTAL HEALTH (THE SECRET BATTLE)

Tarikh: **7 - 19 MAC 2021**
Tempat & Masa: Google Form
Info berkaitan dengan program: 58 orang pelajar terlibat. Program ini dilihat sebagai salah-satu medium pelajar untuk menyerlahkan bakat mereka sekaligus pandangan pelajar mengenai isu yang tidak lagi asing dalam diri pelajar iaitu Isu Kesihatan Mental. Dalam mendepani keadaan persekitaran yang sentiasa berubah akibat wabak Covid-19 ini sedikit sebanyak menyebabkan pelajar cenderung untuk terdedah kepada masalah mental ataupun stress ketika melaksanakan 'online distance learning' (ODL) di rumah. Oleh itu, program ini dianjurkan bagi menggalakkan pelajar untuk mengambil serius dan peka dengan keadaan emosi, spiritual dan fizikal masing-masing.

Program ini dijalankan di mana pelajar akan menyediakan sajak atau puisi yang menggambarkan situasi sebenar ataupun pandangan serta perasaan ketika melaksanakan pembelajaran di rumah. Selain itu, pelajar juga dapat berkongsi pengalaman ataupun kata-kata semangat melalui sajak atau puisi yang ditulis agar dapat memotivasikan pelajar yang lain untuk mendepani masalah ini bersama-sama. Seterusnya, pelajar juga akan mempersembahkan sajak yang ditulis dalam bentuk video. Justeru, program ini akan membantu pelajar dalam menempuhi isu kesihatan mental ini melalui medium seni yang dijalankan.





KOLEJ DAHLIA / TUALANG

CERAMAH ATAS TALIAN : PUNCA & AKIBAT PENYEBARAN DENGGI

Tarikh: **12 APRIL 2021**
Tempat & Masa: Google Meet (urusetia & Penceramah) dan bersiaran secara langsung di FB Live Pusat Asasi UiTM
Info berkaitan dengan program: 200 pelajar terlibat. Program ini ialah program berbentuk kesedaran yang dianjurkan oleh Exco Keselamatan & kesihatan, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar untuk memaklumkan pelajar-pelajar di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Dengkil dengan memberi mereka ilmu pengetahuan berkaitan sejarah denggi, isu semasa dan tanggungjawab individu yang sesuai dalam kehidupan norma baharu. Selain itu, program ini dapat menjadikan mahasiswa dan mahasiswi kolej mengambil berat terhadap epidemik ini kerana ia adalah antara kes epidemik yang tertinggi yang boleh menyebabkan kematian.

Hal ini kerana pelajar-pelajar universiti pada zaman kini mungkin terlepas pandang terhadap kes denggi di Malaysia dan pembiakan nyamuk di kediaman mereka. Disebabkan permasalahan ini, ramai yang berisiko untuk menghidapi demam denggi.



SHARING SESSION : CONSENT FOR OUR PERSONAL DATA

Tarikh: **19/3/2021**
Tempat & Masa: Google Meet dan Facebook Live
Info berkaitan dengan program: 700 pelajar terlibat. Penasihat program adalah puan Ainul. Exco kebersihan dan keceriaan telah menjemput speaker jemputan Danisy Eisyraf bin Yusni Afindi dari Asia Pacific University of Technology and Innovation. Program ini bertujuan untuk mengetengahkan kesedaran tentang ancaman siber kepada pelajar dan kesan kesan dari pelanggaran privasi pengguna di sosial media .



VIRTUAL CHARADES

Tarikh: **19/3/2021**
Tempat & Masa: Google From
Info berkaitan dengan program: 712 pelajar terlibat. Penasihat program adalah puan Ainul. Program ini bertujuan untuk membina keupayaan untuk berfikir di luar kotak serta berkomunikasi dengan hanya memerhati tingkah laku seseorang melalui perbuatan yang ditunjukkan.



E-SPORT SHOWDOWN (VALORANT)

Tarikh: **18/ 3 /2021 - 21/ 3 /2021**
Tempat & Masa: VALORANT
Info berkaitan dengan program: 93 pelajar terlibat. Berikutan penyebaran pandemik covid-19 yang melanda seluruh negara, kebanyakan pelajar tidak dapat menjalani sistem pembelajaran secara bersemuka dan mengehadkan aktiviti sukan. Mengambil inisiatif untuk tidak menjadikan masalah ini sebagai satu penghalang jawatankuasa perwakilan kolej (JPK) UiTM dengkil melalui exco sukan dan rekreasi membawakan pertandingan e-sport showdown (valorant) yang menjadikan platform atas talian sebagai medium untuk mewujudkan suasana persaingan antara pelajar. Aktiviti ini juga merupakan salah satu aktiviti yang dijalankan sempena program e-Fesko yang dianjurkan oleh jawatankuasa perwakilan kolej (JPK) uitm dengkil. Aktiviti yang berlangsung selama empat (4) hari ini disertai oleh 90 orang pelajar serta dibantu oleh tiga (3) orang casters (pengulas).

TALK ABOUT WOMEN 2021 (T.A.W 2021)

Tarikh: **8/1/2021, 22/1/2021, DAN 26/2/2021**
Tempat & Masa: Google Meet dan Youtube Live
Info berkaitan dengan program: 400 pelajar terlibat. Penasihat program ialah en Ahmad Fuzairi bin Ahmad Faizal dan turut dibantu oleh semua SRK dibawah exco kerohanian dan kepimpinan.

Program ini adalah salah satu program yang dianjurkan oleh biro kerohanian dan kepimpinan jawatankuasa perwakilan pelajar (JPK) UiTM Dengkil. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi fokus kepada permasalahan berkaitan wanita dan hanya melibatkan para siswi sahaja. Seramai lebih kurang 400 peserta secara purata untuk setiap siri telah terlibat dalam slot program ini. Tajuk-tajuk untuk setiap siri adalah seperti berikut:

1.	'You Deserve Happiness'.	Ustazah Nor Azrina@Azura Binti Abdul Rahman, Pensyarah Kanan Unit ACIS Pusat Asasi UiTM Dengkil
2.	'Wanita yang Dijaga, Terjaga dan Menjaga'	Ustazah Nur Kamilah Binti Kamarudin, Pensyarah Unit ACIS Pusat Asasi UiTM Dengkil.
3.	'Talk About Women: Apa Bezanya?'	Ustaz Mohd Radhi bin Idris, Tenaga pengajar tetap di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor.

Diharapkan supaya program ini dapat dilaksanakan secara berterusan pada masa akan datang supaya penyampaian ilmu serta dakwah dapat terus dikongsikan dan turut menambah ilmu pengetahuan para siswi dalam usaha membentuk muslimat yang berpengetahuan luas. Selain itu, diharapkan supaya semua peserta dapat menarik muslimat lain tentang perkara ini yang mungkin dianggap trivial tetapi sebenarnya penting supaya mampu mempraktikkan agama islam dengan lebih baik dan sempurna. Jutaan terima kasih diucapkan buat barisan pentadbir, badan-badan pelaksana dan ahli jawatankuasa program kerana telah memberi kerjasama dan komitmen yang tinggi bagi memastikan kelancaran program ini.



LAKARAN GEMILANG HEP UCS

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | CAWANGAN SELANGOR

MAC - DIS 2021

AKTIVITI KOLEJ ZAMRUD/BAIDURI
DARI JUN 2021 SEHINGGA DIS 2021

Disediakan oleh: Roslimi Ariffin, SRK Kolej Zamrud/Baiduri

TAKLIMAT PERATURAN KOLEJ ZAMRUD/BAIDURI

Taklimat Peraturan Kolej Zamrud/Baiduri telah diadakan **pada 4/6/2021 (Jumaat)** dan **2/11/2021 (Selasa) jam 9:00 malam** secara online melalui aplikasi WEBEX bagi memberi pendedahan dan pemakluman berkaitan peraturan-peraturan dan tatacara menduduki kolej kediaman selaras dengan pemakaian Akta 174 di UiTM. Antara pengisian adalah seperti berikut:

- Sesi pengenalan barisan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (Zamrud/Baiduri) yang dilantik
- Video ucapan dan aluan Timbalan Rektor HEP UCS
- Video ucapan dan aluan Pengetua Kolej Zamrud/Baiduri
- Video taklimat BMES (Konsesi)
- Video taklimat Ketua Polis Bantuan UCS
- Taklimat Peraturan Kolej oleh En. Roslimi Ariffin, SRK Kolej Zamrud/Baiduri
- Sesi jawab.

Semua pelajar baharu dan lama yang menduduki Kolej Zamrud dan Baiduri adalah diwajibkan menyertai sesi taklimat ini.







PENGHANTARAN PELAJAR PERGI DAN PULANG KE PUSAT VAKSIN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0

Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Selangor (UCS) telah menyediakan kemudahan pengangkutan dengan dirinigi oleh Staf Residen Kolej kepada pelajar UCS yang mendapat temujanji vaksin COVID-19 di Pusat PemberianVaksin (PPV) di luar UiTM. Pihak Kolej Zamrud juga tidak terkecuali dalam proses menghantar pelajar Kolej Zamrud/Baiduri ke PPV seperti di IDCC, Sunway, Bukit Jalil dan lain lain PPV sekitar Selangor dan Kuala Lumpur.

Selain itu, pelajar Kolej Zamrud/Baiduri yang berada di kampus dan masih belum mendapatkan tarikh temujanji di applikasi MySejahtera juga berpeluang mendapat vaksin di PPV UiTM Kampus Puncak Alam di Dewan Berlian jika ada kekosongan.

PROGRAM ‘GO GREEN’

Program ini ada kesinambungan aktiviti keperihatinan terhadap alam sekitar yang bertemakan ‘Reduce Recycle Reuse’. Program ini telah dilaksanakan mulai tahun 2019 dan diteruskan sebagai aktiviti tetap bagi menerapkan nilai kecintaan pelajar terhadap alam sekitar dan bahan-bahan yang boleh dikitar semula.

- Tarikh: 2/7/2021 (Jumaat)
- Tarikh: 9/7/2021 (Jumaat)
- Tarikh: 16/7/2021 (Jumaat)

Pelajar akan membawa bahan buangan yang boleh dikitar semula ke tarikh dan masa yang telah ditetapkan oleh pihak Jawatankuasa Perwakilan Kolej Zamrud/Baiduri

Bahan buangan yang dikumpulkan akan diserahkan kepada wakil dari Majlis Daerah Kuala Selangor mengikut tarikh yang telah dipersetujui dengan pihak Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS).

PROGRAM 'YOUTH VIRTUAL RUN'

Meskipun dalam PKP 3.0, semua pelajar adalah digalakan untuk menyertai program 'Jom Sihat' anjuran JPK Zamrud/Baiduri dengan tema 'Youth Virtual Run' di kediaman masing-masing. Sasaran adalah dengan menghabiskan larian sebanyak 2km melalui mana-mana aplikasi yang boleh merekodkan larian tersebut.

PROGRAM MALAM MUNAJAT UiTM CAWANGAN SELANGOR BERSAMA REKTOR

Program Malam Munajat UiTM Caw Selangor Bersama Rektor: "Doa Untuk Semua" Bacaan Yassin - Doa - Solat Hajat ini adalah anjuran kolabrasi semua Kolej Kediaman UCS dari Kolej Jasmine, Casuariana, Dahlia, Raflesia, Angsana, Zamrud & Baiduri, JPK Sg Buloh dan JPK Non-Residen. Program diadakan seperti berikut melalui aplikasi Facebook 'LIVE';

- Tarikh: 17/7/2021
- Hari: Sabtu
- Masa: 8:00 malam
- Platform: Facebook 'LIVE' Setiap Kolej Terlibat

Program bermula dengan bacaan Yasin di Facebook 'LIVE' dan seterusnya pelaksanaan Solat Hajat dilakukan di kediaman masing-masing.

Melalui *Facebook* JPK Zamrud Baiduri (https://www.facebook.com/jpkzb/) sebanyak 400 views yang mengikuti siaran tersebut.

SEMBANG SANTAI TIMBALAN SELANGOR BERSAMA KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN UiTM PUNCAK ALAM

15 JUL 2021 | 9:00 PM | FACEBOOK 'LIVE'

Program ini adalah anjuran Bersama semua Jawatankuasa Perwakilan Kolej UiTM Cawangan Selangor, kampus Puncak Alam yang terdiri dari Kolej Angsana, Casuarina, Rafflesia, Dahlia, Zamrud dan Baiduri.

Tetamu khas yang dijemput adalah Profesor Madya Dr. Badrul bin Isa, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, UiTM Cawangan Selangor

Program sembang santai ini telah membincangkan isu-isu berkaitan Pergerakan Pelajar Pulang Semasa Hari Raya Aidil Adha, cuti semeter khususnya selain membincangkan isu-isu berbangkit berkaitan kolej kediaman yang ingin diketengahkan oleh pelajar

Sebanyak 591 *views* yang mengikuti melalui FB JPK Zamrud/Baiduri di url https://www.facebook.com/jpkzb/

PERGERAKAN PULANG BAGI PELAJAR UiTM SEMPENA CUTI SEMESTER DAN PRA AIDIL ADHA (ZON TENGAH)

Pengisytiharan PKPD telah ditamatkan di 34 Mukim di dlaam negeri Selangor bermula jam 11:59 malam, 16/7/2021.

Pihak UCS juga menyediakan pengangkutan untuk menghantar pelajar yang ingin pulang dengan diiringi oleh SRK kolej masing-masing. Antara lokasi yang telah ditetapkan adalah;

- Perlis -Arau
- Kedah-Merbok
- Perak- Sri Iskandar
- Penang - permatang Pauh
- N9 - Kuala Pilah/rembau
- Johor - Segamat/PG
- Pahang -Jengka
- Kelantan -Machang /KB
- Terengganu - Dungun/Bukit Besi/KT

Bas dari UiTM Cawangan Selangor akan bergerak seawal 6:30 pagi dan berkumpul di UiTM Shah Alam untuk sesi taklimat dan pergerakan selanjutnya.



KOLEJ ZAMRUD/BAIDURI

JAMUAN HARI RAYA AIDIL ADHA KOLEJ ZAMRUD/BAIDURI

Terdapat 21 pelajar yang tidak pulang berhari raya dan menginap di Kolej Zamrud dan Baiduri.

Mereka semua tidak dilupakan dan di pagi hari raya, disediakan juga juadah untuk mereka menyambut Hari Raya Aidil Adha di Kolej Zamrud/Baiduri.

PEMILIHAN DAN SESI TEMU BUAL JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ SESI 2021/2022 - 6 OKTOBER 2021

Satu sesi pemilihan dan temubual Jawatankuasa Perwakilan Kolej sesi 2021/2022 telah dilaksanakan pada 6/10/2021 jam 8:00 malam secara atas talian (melalui aplikasi Googe Meet) yang dipengerusikan oleh Pengetua Kolej Zamrud/Baiduri.

34 pelajar yang telah memohon dan menjalani sesi temu bual bersama Pengetua dan SRK Kolej Zamrud/Baiduri dan calon Berjaya seperti berikut:

SENARAI NAMA JPK ZAMRUD DAN BAIDURI SESI 2021/2022

BIL	NO PELAJAR	NAMA	KOD PROG	JAWATAN
1	2020875372	AMIRAH SAFURA BINTI MOHAMAD ALI	AD241	YANG DIPERTUA
2	2020472162	MUHAMAD ROSS PUTERA BIN ROSTAM	AD120	NAIB YANG DIPERTUA
3	2020831348	NURUL AUNI IZZATI BINTI JOHAN	AD232	SETIAUSAHA AGUNG
4	2020817722	AMILA HAZWANI BINTI ABD HALIM	AD120	BENDAHARI KEHORMAT
5	2020875248	ROSDIANA SOFEA AQILAH	AP221	PENOLONG SETIAUSAHA
6	2020842116	NIK MUHAMMAD YUNUS BIN NIK SHAMSUL KAMAR	AD120	EXCO INFORMASI DAN MULTIMEDIA
7	2019359103	HANI AINI FITRIAH BINTI ABDUL HALIM	AP221	EXCO AGAMA DAN KEROHANIAN
8	2020821616	MUHAMMAD JEFFRY HASIF BIN NORMAJIDY	AP221	EXCO DISPLIN DAN KESELAMATAN
9	2020613922	MUHAMAD SYAZWI BIN SAMAD	AD120	EXCO KEBUDAYAAN DAN KESENIAN
10	2019217836	RAMIZAH BINTI ZAINON ABIDIN	AD241	EXCO AKADEMIK
11	2020860658	AHMAD AIZAT ZAKWAN BIN MAHADHIR	AD120	EXCO SUKAN DAN REKREASI
12	2020448742	NUR SULAIHA BINTI AHMAD	AD232	EXCO PERHUBUNGAN DALAMAN.
13	2020871388	MUHAMMAD SYAZWAN BIN SAMAD	AD120	EXCO ADUAN DAN KEBAJIKAN
14	2020831062	NUR SYARAFANA BINTI KHUSAIRI	AD232	EXCO KEPIMPINAN DAN PEMBANGUNAN
15	2019883962	SARAH BATRISYA ISMA BINTI AHMAD FAIZAL	AP247	EXCO KEUSAHAWANAN
16	2020952607	EVIE VIVIAN ENSAS @JIMMY	AP247	EXCO PERHUBUNGAN LUAR & PENGANTARABANGSAAN
17	2020627902	NURUL EZZA ANNISA BINTI IDRIS	AP221	EXCO TUGAS-TUGAS KHAS

PENDAFTARAN PELAJAR BARU DAN LAMA KOLEJ ZAMRUD/ BAIDURI

Pendaftaran pelajar baharu dan lama telah dilaksanakan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan pada 16-17/10/2021 dan 26 - 27/11/2021 di Pejabat Kolej Zamrud/Baiduri. Proses saringan ujian COVID-19 juga dilaksanakan sebelum pelajar layak mendaftar di Kolej kediaman.





PROSES SARINGAN UJIAN COVID-19 BAGI PELAJAR ZAMRUD/ BAIDURI YANG TERLIBAT SEBAGAI KONTAK RAPAT

Bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19 dikalangan pelajar Zamrud dan Baiduri, semua pelajar yang terlibat sebagai kontak rapat dengan pelajar yang positif telah diisolasi di blok yang telah dtentukan. Ujian saringan juga dilaksana pada hari ke-5 isolasi pelajar berkaitan dan diadakan dengan bantuan Unit Kesihatan UiTM Cawangan Selangor seperti berikut:

- Blok Baiduri 1: 13/11/2021 bagi pelajar perempuan
- Blok Zamrud: 21/11/2021 bagi pelajar lelaki.

PERTANDINGAN KARNIVAL BUDAYA KOLEJ (KARYAKU)

Pertandingan Karnival Budaya Kolej (KARYAKU) adalah anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Shah Alam dan seperti tahun sebelumnya, pihak Kolej Zamrud dan Baiduri juga bersama-sama memeriahkan carnival tersebut dengan penyertaan oleh pelajar Kolej Zamrud/Baiduri dalam pelbagai acara seperti berikut;

i. Deklamasi Puisi
- Nur Atiqah binti Othman

ii. Nyanyian Solo Irama Malaysia
- Muhammad Ali Hassan bin Fariq

iii. Nyanyian Solo Moden
- Ahmad Aizat Zakwan bin Mahadhir

iv. Tarian Rampaian Tradisional
- Husna binti Mohd Razif
- Wan Nurlida binti Abd Razak
- Wan Nur Alissa binti Wan Mohd Azmi
- Zaniha Hikmah binti Zainal Abidin
- Nur Azwa Izzati binti Norzian

v. Krew Tarian
- Muhammad Syazwi Salihin bin Sobri
- Ahmad Aizat Zakwan bin Mahadhir

vi. Dokumentari Budaya
- Nurul Auni Izzati binti Johan
- Nur Sulaiha binti Ahmad



AKTIVITI KOLEJ CASUARINA
DARI JUN 2021 SEHINGGA DIS 2021

TAKLIMAT KOLEJ CASUARINA SEMESTER MAC 2021 - JULAI 2021

17 APR 2021 | YOUTUBE 'LIVE'

Seramai 279 penonton telah hadir ke perjumpaan blok Kolej Casuarina yang diadakan pada 17/4/2021 secara atas talian. VVIP seramai 6 orang termasuk UPK, SRK, wakil polis bantuan serta wakil TRIplc turut menghadirkan diri untuk memberi taklimat pada perjumpaan blok tersebut. Aktiviti ini telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Casuarina untuk menggalakkan pelajar mengetahui tentang peraturan penempatan, kemudahan penginapan sekaligus mewujudkan persekitaran kolej yang kondusif. Selain itu, pelajar juga dapat mengetahui tentang program pembangunan pelajar yang berkualiti dan bersepadu melalui platform utama iaitu Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK).





CASUARINA INTERNATIONAL TALK 2021

1 MEI 2021, YOUTUBE 'LIVE'

Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Casuarina sesi 2021/2022 telah menganjurkan program antarabangsa iaitu Casuarina International Talk (2021) dengan kerjasama Graduan dan Pensyarah daripada bahagian Farmasi University of Otago, New Zealand.

Matlamat program dapat dicapai dimana para mahasiswa dan peserta dapat mendengar dan bertanyakan pendapat khususnya kepada penceramah jemputan yang didatangkan khas daripada negara yang telah menangani pandemik COVID-19 iaitu Dr. Mudasir Anwar dan Lik De Chun. Program ini juga dapat direalisasikan seperti yang dirancang tanpa sebarang masalah. Program juga berjaya mencapai sasaran peserta yang berdaftar seramai 200 orang.

Seramai lebih 400 penonton telah hadir ke program Casuarina International Talk yang diadakan pada 1/5/2021 secara atas talian. VVIP seramai 3 orang termasuk SRK dan panel dari Universiti Otago, New Zealand, turut menghadirkan diri untuk memberi ucapan dan perkongsian pada program Casuarina Internnational Talk.

TAKLIMAT KOLEJ SESI OKTOBER 2021 - FEBRUARI 2022

30 OKT 2021 | YOUTUBE 'LIVE

Seramai 257 penonton telah hadir ke perjumpaan blok Kolej Casuarina yang diadakan pada 30/10/2021 secara atas talian. VVIP seramai 11 orang termasuk Pengetua Kolej, UPK, SRK, wakil polis bantuan serta wakil TRIplc turut menghadirkan diri untuk memberi taklimat pada perjumpaan blok tersebut

Program ini telah berjalan seperti yang dirancang tanpa sebarang masalah dan berjaya mencapai objektif program yang ditetapkan di samping memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Semoga dengan adanya program ini, ianya dapat memastikan penghuni Kolej Casuarina faham tentang peraturan-peraturan kolej serta aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan kelak.



KOLEJ CASUARINA

PROGRAM CORETAN ANAK BANGSA: HUBUNGAN BAHASA MALAYSIA DALAM PENDIDIKAN DAN PERLEMBAGAAN

11 NOV 2021 | YOUTUBE 'LIVE'

Seramai 703 penonton telah hadir ke Forum Coretan Anak Bangsa: Hubungan Bahasa Malaysia Dalam Pendidikan dan Perlembagaan yang diadakan pada 11/11/2021 secara dalam talian. VVIP pula seramai 3 orang termasuklah Penyandang Kursi Raja-Raja Melayu UiTM, KPP Bahasa Melayu Akademik Pengajian Bahasa UiTM Shah Alam serta MPP Akademik Pengajian Bahasa UiTM Shah Alam menghadirkan diri dalam memberikan buah pendapat pada forum tersebut.

Pihak Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Casuarina sesi 2021/2022, UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam telah mengadakan program yang signifikan bersempena dan selari dengan Bulan Bahasa Kebangsaan yang disambut pada bulan Oktober setiap tahun. Program yang berbentuk webinar ini dikendalikan oleh pihak moderator bersama-sama beberapa panel yang dijemput untuk memberi manfaat ilmu tentang isu-isu berkaitan bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Malaysia serta memberi pendedahan ilmu kepada para penonton tentang hubungkait Bahasa dalam perlembagaan dan citra utama Bahasa Malaysia yang sewajarnya diberikan penekanan khususnya dalam kalangan warga di institusi keramat, UiTM ini.

Program berbentuk webinar dan wacana intelek ini telah dihadiri oleh beberapa orang panel unggul dan hebat antaranya Profesor Datuk Dr. Shamrahayu Ab Aziz selaku Penyandang Kursi Raja- Raja Melayu UiTM, Dr. Rozaimah Rashidin, Ketua Pusat Pengajian (KPP) Bahasa Melayu Akademik Pengajian Bahasa UiTM Shah Alam dan Saudara Muhamad Safiuddin bin Suhaimi iaitu Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Akademik Pengajian Bahasa UiTM Shah Alam. Panel terdiri daripada pelbagai generasi maka semua pendapat yang telah dihujahkan telah diraikan Bersama-sama dan selari dengan objektif yang dinyatakan sekali gus membentuk kesedaran kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

LATIHAN KEBAKARAN DI CASUARINA 5

9 DIS 2021 | BLOK C5 KOLEJ CASUARINA UiTM CAWANGAN SELANGOR KAMPUS PUNCAK ALAM

Satu program latihan kebakaran telah diadakan melibatkan penghuni yang menetap di Blok C5, Kolej Casuarina dengan kerjasama Pihak Bomba Balai Bestari Jaya, TriPLC, Polis Bantuan UiTM dan Jawatankuasa latihan kebakaran yang dilantik dari kalangan penghuni Blok C5.

Latihan dimulakan dengan letupan mercun gimmick diiringi loceng kecemasan untuk memberi amaran kepada para penghuni untuk berkumpul di kawasan berkumpul pada jam 10:32 malam. Kesemua penghuni seramai 253 orang berjaya memberikan kerjasama untuk turun dan berkumpul dalam masa 6 minit tanpa sebarang insiden. Sebanyak 4 letupan mercun dilakukan dalam jangka masa tersebut. Pihak bomba tiba ke Blok C5 pada jam 10:44 malam dan mengesahkan bahawa bangunan telah selamat pada jam 10:52 malam selepas melakukan sedikit simulasi memadam kebakaran di aras 2. Kemudian latihan kebakaran tersebut diteruskan dengan sedikit ucapan dan taklimat dari pegawai Bomba di kawasan berkumpul.

Latihan kebakaran tersebut tamat pada jam 11:20 malam dan penghuni dibenarkan untuk kembali ke bilik masing-masing. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan latihan kebakaran ini.


LATIHAN 'FIRE DRILL' DI CASUARINA 5, UiTM KAMPUS PUNCAK ALAM,
ZON 1 FASA 2 (Z1P2)
KRONOLOGI

PERKARA	CATATAN			
GGERA DIBUNYIKAN	MULA/JAM	10.32	AKHIR/JAM	2305
OMBA DIHUBUNGI	22:33			10.38
ANTUAN UiTM DIHUBUNGI	22:33			
I PERTAMA YANG KELUAR DARI BANGUNAN	22:33			
NI TERAKHIR YANG KELUAR DARI BANGUNAN	22:38			
GUNAN DISAHKAN SELAMAT	22:52			
AMBULANS	22:47			
LAIN-LAIN				
BOMBA	22:44			

ARAS 1 = SRK
2 = 18/23
3 = 8/18
4 = 23/30
5 = 38/

KOLEJ CASUARINA

AKTIVITI KOLEJ RAFFLESIA
DARI JUN 2021 SEHINGGA DIS 2021

FORUM “PANICGOGY: SURVIVING ONLINE CLASSES”

31 MEI 2021 | 9:00 PM - 10:25 PM | YOUTUBE ‘LIVE’

Info berkaitan dengan program:

- Dua panel jemputan iaitu Farah Jasmeen binti Mohd Bashir dan Nur Izzati binti Shaharuddin bersama-sama mengulas topik tentang cara untuk menghadapi kelas di atas talian
- Para pelajar diberikan peluang untuk mengajukan soalan kepada panel-panel jemputan.



PERMAINAN INTERAKTIF KESEDARAN MENTAL

18 JUN 2021 | 10:30 AM - 12:00 AM | TELEGRAM

Info berkaitan dengan program:

- Program ini terbuka kepada semua pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam dan juga orang awam
- Pautan ‘Google Drive’ dan QR code diedarkan di dalam kumpulan Telegram dan para pelajar boleh mengakses permainan interaktif berkaitan kesihatan mental yang telah disediakan
- Pelajar diberi masa selama satu hari untuk bermain permainan interaktif mengikut kesesuaian masa pelajar.

PERTANDINGAN MENCIPTA VIDEO PENDEK (PENGURUSAN STRESS)

2 - 18 JUN 2021 | GOOGLE DRIVE @ JPK RAFFLESIA

Info berkaitan dengan program:

- Program ini terbuka kepada semua mahasiswa yang menetap di Kolej Rafflesia dan juga orang awam
- Para peserta diminta untuk menyediakan sebuah video pendek yang bertemakan pengurusan stress
- Para peserta diberi masa selama 14 hari untuk menyiapkan dan menghantar video mereka
- Tiga video terbaik akan dipilih dan diundi oleh pihak penganjur untuk menentukan pemenang.

RAFFLESIA FUN GAMES: STRESS-FREE EDITION

26 JUN 2021 | LAMAN WEB QUIZZIZ, SCRIBBLE.IO & GOOGLE MEET

Info berkaitan dengan program:

Permainan	Platform
1st: Kuiz Kesedaran Mental	Quizziz
2nd: Lukis dan Teka	Scribble.io
3rd: 'Charade'	Google Meet
4th: 'Google Pacman	Google Meet







FORUM BUSINESS PASCA COVID-19: MAHASISWA MENJANA DUIT TEPI

9 JUL 2021 | YOUTUBE 'LIVE'

Info berkaitan dengan program:

- Menjawab persoalan dan 'sharing session' berkaitan keusahawanan sebagai kerjaya mahupun sumber duit tepi sebagai seorang pelajar
- Membawakan panel jemputan khas, iaitu Muhammad Zahran bin Hj Abd Rahman *(Senior lecturer of Economy UiTM Cawangan Pahang)* dan Nur Farah Nabilah *(Pelajar fakulti pengurusan perniagaan UiTM Puncak Alam)*.



KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI

11 JUL 2021 | Tempat & Masa: Google Meet

Info berkaitan dengan program:

- Kursus mengenai tatacara merangka dan mengurus kertas kerja kepada barisan apprentice JPK Rafflesia daripada En. Basri bin Saidi
- Penerangan skop kerja dan perkongsian pengalaman sebagai JPK daripada JPK Rafflesia 2020/2021.



RAFFLESIAN MEET & GREET

29/10/2021 | Youtube 'LIVE' | Masa: 9:00 - 10:45 malam

Info berkaitan dengan program:

- Program ini melibatkan seramai 636 pelajar yang menetap di Kolej Rafflesia
- Penghuni kolej diberikan pengenalan tentang Kolej Kediaman Rafflesia dengan tayangan video pengenalan SRK dan UPK kolej
- Selain itu, para pelajar juga dapat mendengar ucapan khas daripada pengetua Kolej Rafflesia iaitu Ts. Dr. Sabaianah binti Bachok, taklimat daripada Unit Pengurusan Kolej Rafflesia iaitu Encik Basri bin Saidi dan Dr. Rohani binti Mohd, taklimat daripada wakil Polis Bantuan, wakil Unit Kesihatan dan wakil Unit Sukan
- Para pelajar juga dapat menyatakan masalah yang mereka hadapi di kolej di ruangan sembang youtube sepanjang program sedang berlangsung.





KOLEJ RAFFLESIA

PROGRAM ZUMBA: “LADIES DAY”

4/12/2021 | Tempat & Masa: Kompleks Kemudahan Pelajar Rafflesia (KKPR)

Info berkaitan dengan program:

- Diadakan untuk menarik minat para mahasiswi UiTM Puncak Alam untuk kekal sihat walaupun sibuk dengan pelajaran
- Aktiviti Zumba yang dikendalikan oleh Dr. Maisarah Shari *(Pensyarah Pendidikan Jasmani dan Kesihatan UiTM Puncak Alam)* khas kepada mahasiswi yang berada di Kolej Rafflesia dan kolej-kolej lain.

AKTIVITI KOLEJ ANGSANA
DARI JUN 2021 SEHINGGA DIS 2021

BENGKEL ASAS BAHASA ISYARAT

29 MEI 2021 | 2:30 PM - 4:30 PM | DALAM TALIAN (CISCO WEBEX MEETINGS)

Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Angsana, UiTM Puncak Alam dengan kerjasama Unit Perkhidmatan OKU (UPO) dan UiTM Inspirational and Inclusion Club (UIIC) telah mengadakan Bengkel Asas Bahasa Isyarat (BBI) secara dalam talian melalui platform Cisco Webex pada 29/5/2021 yang lalu. Program yang dirasmikan oleh Profesor Madya Dr. Badrul bin Isa (Timbalan Rektor UiTM Cawangan Selangor) ini telah mendapat sambutan baik daripada pelajar, staf UiTM dan juga orang awam apabila penyertaan yang diterima melebihi had yang disasarkan. Walaupun dalam keadaan pandemik, Saudari Syahidah binti Mohamad Zakaria selaku pengarah program tetap optimis dalam menganjurkan program ini dengan tujuan untuk merapatkan jurang komunikasi antara mahasiswa dan mahasiswi dengan golongan orang pekak di samping dapat mengetengahkan bahasa bukan lisan iaitu Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dalam kalangan peserta.

Seramai 129 peserta dibahagikan ke dalam kumpulan-kumpulan kecil melalui breakout session untuk mempelajari asas komunikasi bahasa isyarat dengan bimbingan oleh tenaga pengajar daripada Malaysian Federation of the Deaf (MFD).

Para peserta turut memberikan respon yang sangat positif di akhir sesi dan berpuas hati dengan keseluruhan penganjuran program ini.

Ahli jawatankuasa yang dipantau oleh Profesor Madya Dr. Rasidah binti Hamid, selaku penasihat program amat berbesar hati untuk terus menganjurkan program bermanfaat seperti ini pada masa akan datang. Oleh yang demikian, program kesedaran dan bengkel bahasa isyarat yang lebih intensif wajar diadakan bagi memperkasakan bahasa bukan lisan yang turut menjadi nilai tambah dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi UiTM.





KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI

26 - 27 JUN 2021 | DALAM TALIAN (GOOGLE MEET)

Tampuk kepimpinan baharu di peringkat Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) telah diisi sejak sesi akademik Mac - Ogos 2021 yang lalu. Sehubungan dengan itu, hasil kerjasama erat daripada JPK Angsana bersama-sama dengan JPK Casuarina dan Jawatankuasa Perwakilan Non-Resident (JPNR), program Kursus Pengurusan Organisasi (KPO) telah diadakan pada 26 sehingga 27/6/2021. Tujuan utama program KPO dilaksanakan adalah untuk memberikan pendedahan dan melatih pelajar dalam menguruskan sesebuah organisasi serta mengasah bakat kepimpinan dalam diri. Program ini juga dirasmikan oleh Profesor Madya Dr. Badrul bin Isa, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Selangor.

Kursus seumpama ini juga secara tidak langsung dapat merapatkan hubungan silaturrahim antara ahli organisasi walaupun terbatas kerana diadakan secara maya sahaja. Ianya juga merupakan salah satu cabaran kepada pemimpin pelajar dalam era pandemik ini di mana mereka perlu akur akan keterbatasan dalam pelaksanaan program. Walaubagaimanapun, KPO telah dilaksanakan dengan jayanya secara dalam talian melalui platform Google Meet. Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat menjayakan program KPO. Diharapkan pucuk kepimpinan di peringkat Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) dapat menggalas amanah yang diberikan bagi menjadi wakil suara pelajar di kolej kediaman UiTM Cawangan Selangor.





AGIHAN MAKANAN HARI RAYA AIDILADHA

20 - 21 JUL 2021 (Selasa & Rabu) | 11 am & 6 pm | Bersemuka (Susur Gajah Surau Ibnu Sina, Berhadapan Dengan Blok Casuarina 3, UiTM Puncak Alam

Ekoran pandemik COVID-19, pelajar yang menetap di kolej kediaman tidak dapat pulang beraya ke kampung halaman pada sambutan Hari Raya Aidiladha 1442H yang lalu. Namun begitu, kebajikan para pelajar tetap menjadi keutamaan pihak kolej kediaman. Oleh sebab terdapat sejumlah pelajar yang menyambut Hari Raya Aidiladha di kolej kediaman di UiTM Puncak Alam, pihak Unit Pengurusan Kolej (UPK) Angsana dan Casuarina telah mengadakan agihan makanan sempena sambutan perayaan tersebut. Agihan ini dibuat di hadapan blok Casuarina 3, Kolej Casuarina pada 20 dan 21/7/2021 bersamaan 10 dan 11 Zulhijjah 1442H oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Angsana dan Casuarina.

Pengetua Kolej Angsana dan Casuarina, Encik Irwan bin Zakaria turut hadir untuk memantau kelancaran program agihan makanan kepada warga Kolej Angsana dan Casuarina.

Konsep agihan ini adalah *collect and go* di mana pelajar hanya mengambil sajian yang telah siap dibungkus oleh katerer dan makan di bilik masing-masing. Semua pelajar Kolej Angsana dan Casuarina dijemput untuk mengambil jamuan tengah hari pada jam 11 pagi dan makan malam sebelum jam 6 petang. Berbagai-bagai juadah raya yang disajikan untuk meraikan warga kolej. Selain itu, jawatankuasa yang terlibat telah mengambil kira keadaan semasa dan memastikan pelajar mematuhi SOP yang ditetapkan bagi mengelakkan penularan COVID-19 di dalam kawasan kolej kediaman.

Semua pelajar yang berada di kolej turut digalakkan memakai pakaian raya untuk memeriahkan suasana sambutan Hari Raya Aidiladha norma baharu di kolej. Pengalaman menyambut Hari Raya Korban jauh dari kampung halaman ini diharapkan dapat menjadi ingatan yang bermakna kepada para pelajar.

THE AVATAR RUN

20 - 26 SEPT 2021 (Isnin - Ahad) | Tidak Berkenaan | Dalam Talian

The Avatar Run merupakan satu inisiatif untuk menerapkan budaya hidup sihat yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Angsana sesi 2021/2022. Program yang dikenali sebagai TAR ini ialah larian secara maya dalam norma baharu. TAR diadakan dengan tujuan membantu dalam membina kecergasan fizikal dan mental masyarakat. Ia diadakan selama seminggu bermula 20-26/9/2021. Ia menonjolkan kepelbagaian personaliti setiap peserta dimana mereka dapat memilih unsur seperti api, tanah, air dan angin berdasarkan ciri-ciri yang disenaraikan. Program ini juga dimeriahkan lagi melalui kerjasama daripada rakan strategik iaitu JPK Rafflesia, Casuarina, Mat Kilau, Perindu, Zamrud & Baiduri, Jawatankuasa Perwakilan Non-Resident (JPNR) UiTM Cawangan Selangor serta Sekretariat Mahasiswa Fakulti Sains Gunaan dan Matematik (SMF FSKM) UiTM Shah Alam.

Para peserta turut menerima kit larian seperti baju, pingat dan e-sijil serta hadiah cabutan bertuah bagi enam orang peserta yang terpilih. Dengan menggunakan aplikasi larian di telefon bimbit masing-masing, peserta perlu melengkapkan jarak larian iaitu sekurang-kurangnya 5km. Berikut merupakan antara bukti larian melalui tangkapan skrin yang dibuat para peserta TAR.

Selari dengan objektif program, ia dapat menyemai semangat kesukanan yang tinggi dan melahirkan insan yang sentiasa berdaya saing dalam meningkatkan pertumbuhan intelek, rohani, jasmani dan emosi. Program ini membantu dalam mengenali potensi diri serta menghargai personaliti para peserta bagi meningkatkan keyakinan dan motivasi. Saudari Murfiqah binti Murshid yang merupakan pengarah program mengucapkan jutaan terima kasih kepada para peserta yang menjayakan program pada kali ini. Semoga ia dapat memberi kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan menjaga kesihatan fizikal dan mental sewaktu pandemik COVID-19.





AGIHAN MAKANAN HARI RAYA AIDILADHA

22 OKT 2021 (Jumaat) | 8:30 - 10:30 malam | Dalam Talian (Facebook 'LIVE')

Perjumpaan Kolej Angsana (PKA) merupakan sebuah perjumpaan bersama seluruh warga Kolej Angsana secara dalam talian melalui platform Facebook 'LIVE' yang pertama diadakan di UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam sepanjang mod Open Distance Learning (ODL) dijalankan. Program dengan slogan "Tak Kenal Maka Tak Cinta" ini berlangsung pada 22/10/2021 bermula jam 8:30 malam sehingga 10:30 malam ini bertujuan untuk memberi pendedahan berkaitan Akta 174 UiTM secara amnya, khususnya menjurus kepada peraturan-peraturan kolej kediaman yang digunapakai di UiTM. Sambutan yang diterima daripada penghuni Kolej Angsana amat mengalakkan dimana kira-kira 180 orang pelajar hadir untuk mendengar taklimat dalam talian ini yang disampaikan oleh pegawai-pegawai penting seperti Unit Sukan, Unit Kesihatan dan Polis Bantuan.



Selain itu, Pengetua Kolej Angsana dan Casuarina, Encik Irwan bin Zakaria mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan para pelajar baharu dan lama ke Kolej Angsana di samping menzahirkan hasrat beliau untuk menjadikan Kolej Angsana sebagai sebuah kolej keusahawanan. Melalui program ini juga, Yang Di-Pertua Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Angsana, Saudari Afiqah Natasha binti Ismail telah mengetengahkan hak dan suara para pelajar untuk mendapatkan akses kepada kemudahan-kemudahan yang disediakan di kolej kediaman.

Dengan tanda pagar yang diperkenalkan iaitu #RiseWithAngsana, barisan JPK Angsana akan terus berusaha untuk memberikan yang terbaik kepada warga kolej dengan melaksanakan pelbagai aktiviti bersama seperti yang dikongsikan oleh Pengarah Program PKA, Saudari Ainur Shafirah binti Ashar. Diharapkan program ini dapat menjadi titik permulaan perkenalan bagi seluruh warga Kolej Angsana.





BICARA ROHANI: BACAAN YASIN & SESI PERKONGSIAN

28 OKT/4 NOV/11 NOV/18 NOV/2 DIS 2021 | 8:00 PM - 9:00 PM | FACEBOOK 'LIVE'

Jawatankuasa Perwakilan Kolej Angsana sesi 2021/2022 di bawah anjuran Exco Agama dan Kerohanian telah berjaya mengadakan satu program kerohanian dan perkongsian ilmu iaitu Bicara Rohani: Bacaan Yasin & Sesi Perkongsian yang diadakan secara dalam talian iaitu bermula pada 28/10/2021. Program yang berfokuskan kepada bacaan Surah Yasin ini diadakan secara mingguan iaitu pada setiap hari Khamis bermula jam 8 malam. Seiiring dengan objektif program, ia adalah satu usaha murni pihak kolej dalam menyebarluaskan ilmu agama serta memenuhi keperluan ke arah pembangunan sahsiah dan rohani dalam diri pelajar. Majlis dimulakan dengan bacaan Yasin dan doa yang dipimpin oleh Sekretariat Perwakilan Kolej Angsana. Bagi sesi perkongsian ringkas mingguan pula, Staf Residen Kolej Angsana akan menyampaikan pelbagai topik menarik seperti 'Peranan & Tanggungjawab sebagai Pelajar', 'Kepentingan Menjadi Individu yang Positif' dan sebagainya.

Seramai 50 peserta yang terdiri daripada warga kolej sendiri disasarkan untuk menyertai program ini setiap minggu. Program yang dijalankan selama 1 jam ini telah mendapat sambutan yang amat baik serta berjaya memberi impak positif dalam menyuntik minat dalam diri warga Kolej Angsana untuk meluangkan masa dengan membaca Surah Yasin bagi memperoleh syafaat dan ketenangan jiwa yang berpanjangan. Pengarah program, Saudari Wan Nur Izzah binti W. Mohd Sakry juga berharap agar program ini dapat menjadi satu inspirasi kepada para pelajar untuk sentiasa meneruskan amalan yang positif bagi memantapkan iman serta meyemarakkan ikatan persaudaraan yang lebih kukuh antara penghuni Kolej Angsana bersama Staf Residen Kolej (SRK) dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Angsana.





STAY FIT STAY SAFE

12 NOV & 3 DIS 2021 | 5:00 PM - 6:30 PM | BERSEMUKA (SEKITAR KOLEJ ANGSANA, UiTM PUNCAK ALAM)

Jawatankuasa Perwakilan Kolej Angsana sesi 2021/2022 telah menjalankan program mingguan secara bersemuka iaitu 'Stay Fit Stay Safe' bermula pada 12/11/2021 (Jumaat) yang bertujuan melahirkan pelajar minda kelas pertama dengan mengamalkan sukan dan gaya hidup sihat dalam kehidupan seharian. Selain itu, program ini dapat memberi semangat kepada pelajar untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar Kolej Angsana bersama Staf Residen Kolej Angsana dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej Angsana melalui aktiviti sukan yang diadakan seperti berjoging dan aktiviti futsal mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh UiTM dan MKN.

Pada minggu pertama, seramai 20 orang peserta yang disenaraikan telah menghadiri dan menyertai aktiviti berjoging di sekitar Kolej Angsana yang dipantau oleh Profesor Madya Dr. Rasidah binti Hamid. Ahli jawatankuasa pelaksana memulakan program dengan pendaftaran peserta dan disusuli dengan aktiviti memanaskan badan sebelum memulakan larian.

Bagi minggu seterusnya, seramai 30 orang peserta mengikuti aktiviti futsal yang dipantau oleh Encik Mohd Hafizan bin Ali Bahar dan Encik Noor Rahmad bin Adinan. Kesemua peserta turut diberikan e-merit sebagai penghargaan. Pengarah program, Saudari Waira Irna Sofiya binti Azman memberi pujian kepada warga Kolej Angsana yang hadir melakukan aktiviti serta kepada ahli jawatankuasa pelaksana program yang bertungkus-lumus menjayakan program ini. Program ini akan diteruskan sehingga minggu ke-12 sesi akademik Oktober 2021 - Februari 2022.



AKTIVITI KOLEJ DAHLIA
DARI JUN 2021 SEHINGGA DIS 2021

DAHLIA DIGITAL DESIGNERS (SIRI 1) ADOBE PHOTOSHOP SLOT 1 & 2

13 & 27 NOV 2021 | 8:15 PM - 10:15 PM | GOOGLE MEET

Secara keseluruhan, program 3D - Dahlia Digital Designers telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan daripada warga UiTM seluruh Malaysia dan masyarakat luar. Ini dapat dibuktikan dengan komitmen yang ditunjukkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej Dahlia UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam dapat menarik minat para pelajar, kakitangan UiTM serta masyarakat luar untuk memasuki pautan Google Meet seawal 8:15 malam dan sesi perkongsian webinar yang dijalankan adalah sangat lancar. Tujuan utama program ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan kemahiran dan ilmu peserta dalam penghasilan gambar dan video secara digital menggunakan perisian Adobe Photoshop, Adobe Illustrator dan Adobe Premiere. Oleh itu, program ini adalah satu inisiatif bagi berkongsi ilmu pengetahuan asas dan teknik penyuntingan dengan tepat dan jelas.

Kelebihan/Kebaikan Program:

- Peserta dapat mengasah bakat dalam penyuntigan gambar dan video digital dengan lebih baik
- Peserta dapat memantapkan kemahiran insaniah dalam diri peserta
- Peserta dapat mengaplikasikan ilmu pengetahuan yang dikongsi dalam menyiapkan tugasan pembelajaran

Permasalahan yang timbul:

- Hanya segelintir peserta memberi respon terhadap panel ketika program berlangsung
- Kebanyakkan peserta belum memuat turun aplikasi Adobe Photoshop sebelum sesi program berlangsung
- Terdapat segelintir peserta yang telah menyebarkan pautan Google Form kepada individu yang tidak menyertai program ini

Kesimpulannya, terdapat kebaikan dan permasalahan yang timbul semasa program ini berlangsung akan tetapi permasalahan tersebut dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin. Oleh itu, program ini berjaya dijalankan dengan lancar pada hari kejadian. Memandangkan program ini mendapat sambutan yang baik, diharapkan agar Sesi 2 dan Sesi 3 juga akan berlagsung dengan jayanya. Antara cadangan yang boleh dikemukakan jika program ini diteruskan adalah supaya ahli yang terlibat memastikan mereka mempunyai akses internet yang kuat agar dapat mengikuti program sehingga selesai. Selain itu, disarankan juga agar semua warga UiTM dan masyarakat dapat memberi kerjasama yang sangat baik semasa perkongsian dijalankan.





CHARITY RUN AMONG US 2021

29 OGOS - 10 OKT 2021 | ATAS TALIAN

Secara keseluruhan, program Charity Run Among Us 2021 telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan daripada warga UiTM seluruh Malaysia dan masyarakat luar. Ini dapat dibuktikan dengan komitmen yang ditunjukkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej Dahlia UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam dapat menarik minta para pelajar, kakitangan UiTM serta masyarakat luar menyertai program larian amal ini kerana program ini memberi impak yang baik dari segi kesihatan peserta dalam menyertai larian serta beramal dengan memberi sumbangan daripada yuran penyertaan ini. Oleh itu, ia telah mencapai objektif utama program ini dalam mengubah gaya hidup yang sihat dan amalan perihatin dikalangan masyarakat.

Kelebihan/Kebaikan Program:

- Peserta dapat mengamalkan gaya hidup sihat dengan bersenam dan berlari
- Peserta dapat beramal dan memberi sumbangan dari segi kewangan kepada Persatuan (NGO) Klef Bibir dan Lelangit Malaysia.
- Peserta dapat mengurangkan tekanan emosi dan membina kecergasan tubuh badan.

Permasalahan yang timbul:

- Penyertaan kurang memberangsangkan apabila menjalankan program larian atas talian.
- Proses pengeluaran dan pengedaran merchandise mengambil masa selama sebulan selepas tarikh program dijalankan.

Kesimpulannya, program ini memberi pengalaman baru untuk semua ahli jawatankuasa serta sukarelawan yang bertungkus lumus menjayakan program ini. Walau bagaimanapun, permasalahan yang timbul semasa program ini berlangsung dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin. Oleh itu, program ini berjaya dijalankan dengan lancar pada hari kejadian. Memandangkan program ini mendapat sambutan yang baik, diharapkan agar program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang secara bersemuka. Antara cadangan yang boleh dikemukakan jika program ini diteruskan adalah dengan meneruskan tabung derma ke Persatuan (NGO) Klef Bibir dan Lelangit ini supaya Kolej Dahlia menjadi salah satu penyumbang kewangan atau tenaga kerja sukarelawan kepada persatuan ini.

ART OF PERSONAL BRANDING: EFFECTIVE COMMUNICATION

26 APR 2021 | FACEBOOK 'LIVE' KOLEJ DAHLIA PUNCAK ALAM

Secara keseluruhan, *Self-Love Campaign* iaitu *Art of Personal Branding: Effective Communication* telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan daripada warga UiTM seluruh Malaysia dan masyarakat luar. Ini dapat dibuktikan dengan komitmen yang ditunjukkan oleh ahli JPK setiap kolej UiTM Puncak Alam dan masyarakat luar dapat dengan terdapat sebilangan daripada mereka memasuki "Live Facebook Kolej Dahlia Puncak Alam" seawal 9:30 pagi dan sesi perkongsian yang dilakukan adalah sangat baik. Tujuan utama program ini dilaksanakan adalah untuk mendedahkan pelajar dan masyarakat kepada konsep dan jenis-jenis komunikasi. Hal ini, dapat memupuk pelajar dan masyarakat dengan peningkatan keyakinan para pelajar ketika berkomunikasi.

Kelebihan/Kebaikan Program:

- Mengeratkan hubungan silaturrahim sesama penceramah luar, masyarakat dan warga UiTM.
- Menggalakkan semua masyarakat mendalami tentang kepentingan kemahiran komunikasi yang baik.
- Mengukuhkan kerjasama antara ahli JPK Puncak Alam, SRK Dahlia dan NGO luar

Permasalahan yang timbul:

- Permulaan program ditangguhkan selama 15 minit kerana masalah teknikal
- Penceramah lewat masuk ke Streamyard selama 10 minit

Kesimpulannya, terdapat kebaikan dan permasalahan yang timbul semasa program ini berlangsung akan tetapi permasalahan tersebut dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin. Oleh itu, program ini berjaya dijalankan dengan lancar pada hari kejadian. Memandangkan program ini mendapat sambutan yang baik, diharapkan agar program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang. Antara cadangan yang boleh dikemukakan jika program ini diteruskan adalah supaya ahli yang terlibat memastikan mereka mempunyai akses internet yang kuat agar dapat mengikuti program sehingga selesai. Selain itu, disarankan juga agar semua warga UiTM dan masyarakat dapat melakukan program dan memberi kerjasama yang sangat baik semasa perkongsian dijalankan. Akhir sekali, ahli jawatankuasa yang terlibat perlu memastikan penceramah masuk tepat pada waktu. Sekiranya terdapat permasalahan yang tidak dapat dielakkan, pengurus program perlu mempunyai inisiatif lain bagi melancarkan program sebaiknya.



SKIN HEALTH: “CANTIK LUAR, CANTIK DALAM”

18 JUN 2021 | FACEBOOK JPK KOLEJ DAHLIA PUNCAK ALAM

Secara keseluruhan, program *Skin Health Talk*: “Cantik Luar, Cantik Dalam” telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan daripada warga UiTM seluruh Malaysia dan masyarakat luar. Ini dapat dibuktikan dengan komitmen yang ditunjukkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej Dahlia UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam dapat menarik minta para pelajar, kakitangan UiTM serta masyarakat luar untuk memasuki “Live Facebook JPK Kolej Dahlia Puncak Alam” seawal 8:15 malam dan sesi perkongsian webinar yang dijalankan adalah sangat baik. Tujuan utama program ini dilaksanakan adalah pendidikan penjagaan kulit muka kepada para peserta serta kepentingan penjagaan kulit muka tanpa mengira jantina.

Kelebihan/Kebaikan Program:

- Peserta dapat mengelakkan diri daripada sebarang masalah dan penyakit kulit pada masa akan datang.
- Peserta dapat menjaga keterampilan diri agar tampil lebih berkeyakinan dan segak.
- Peserta dapat mengurangkan tekanan emosi dalam mengatasi masalah kulit muka.

Permasalahan yang timbul:

- Hanya dua soalan sahaja yang dapat diajukan kepada ahli panel kerana kesuntukan masa.
- Terdapat masalah teknikal semasa bermula majlis dan menyebabkan kami terpaksa menganjak masa selama 20 minit.
- Proses pengeluaran dan pengedaran E-Sijil mengambil masa selama dua minggu selepas tarikh program dijalankan.

Kesimpulannya, terdapat kebaikan dan permasalahan yang timbul semasa program ini berlangsung akan tetapi permasalahan tersebut dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin. Oleh itu, program ini berjaya dijalankan dengan lancar pada hari kejadian. Memandangkan program ini mendapat sambutan yang baik, diharapkan agar program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang. Antara cadangan yang boleh dikemukakan jika program ini diteruskan adalah supaya ahli yang terlibat memastikan mereka mempunyai akses internet yang kuat agar dapat mengikuti program sehingga selesai. Selain itu, disarankan juga agar semua warga UiTM dan masyarakat dapat melakukan program dan memberi kerjasama yang sangat baik semasa perkongsian dijalankan.

INTERNATIONAL WEBINAR COMMUNICATION X CAREER (IWCC)

5 - 7 NOV 2021 | FACEBOOK 'LIVE'

"*International Webinar: Communication x Career*" ini merupakan sebuah program yang telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Seri Tanjung, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah sesi 2020/2021 dengan beberapa penganjur bersama, rakan kolaborasi dan rakan strategik yang terdiri daripada pelbagai kampus cawangan mahupun Universiti.

Dalam program ini, pihak penganjur juga telah memberikan sijil peringkat antarabangsa kepada peserta yang menghadiri bagi dua slot tersebut. Penyertaan bagi program ini adalah terbuka kepada semua orang tidak hanya pelajar UiTM dan penyertaan ini telah disambut oleh peserta daripada pelbagai kampus.

Selain itu, program webinar ini dijalankan secara virtual yang disiarkan secara langsung dan secara serentak di Facebook pihak penganjur dan juga penganjur bersama. Program ini mendedahkan secara langsung berkenaan dengan komunikasi dan kerjaya.

Kelebihan/Kebaikan Program:

- Menerapkan semangat kerjasama dan toleransi di antara kepimpinan mahasiswa
- Mendapat pengetahuan serta berkongsi ilmu berkenaan dengan ilmu "*COMMUNICATION x CAREER*" di peringkat antarabangsa
- Meningkatkan pengetahuan am pelajar terhadap pemilihan kerjaya kelak yang menitikberatkan penguasaan komunikasi yang baik.
- Memberi kesedaran kepada para pelajar bahawa pentingnya dalam menguasai teknik komunikasi.

Permasalahan yang timbul Ketika program ini berlangsung, terdapat sedikit masalah seperti capaian internet tidak memuaskan namun, penyampaian dapat didengar dengan jelas. Selain itu, program ini tamat awal daripada yang dirancangkan kerana panel memberi ulasan yang singkat tapi padat.

Cadangan bagi menyelesaikan masalah tersebut ialah dengan memastikan panel jemputan dan juga moderator mempunyai capaian internet yang baik agar penyampaian dalam program dapat didengar dengan lancar. Selain itu, pihak penganjur haruslah bijak dalam menguruskan masa ketika program berlangsung. Contohnya, memaklumkan kepada peserta mengenai masa yang ditetapkan untuk mengajukan soalan kepada panel.

Akhir sekali, moderator turut memainkan peranan agar panel jemputan tidak melebihi masa yang telah ditetapkan untuk menjawab soalan.

Secara keseluruhannya, program "*International Webinar: Communication x Career*" yang telah dianjurkan selama tiga hari iaitu bermula 5/11/2021 sehingga 07/11/2021 telah



Gambar screenshoot wakil penganjur bersama iaitu JPK Dahlia untuk mempromosikan program di Ufm UiTM Radio

berjalan dengan lancar atas kerjasama dan sokongan daripada semua pihak terutamanya penganjur utama dan penganjur bersama program.

Hasilnya, program ini telah mencapaikan matlamat atau objektif dimana para peserta telah mendapatkan ilmu pengetahuan yang baharu mengenai kerjaya dan juga komunikasi oleh para panel jemputan bagi setiap slot. Diharapkan agar program seperti ini dapat dilaksanakan bagi mendedahkan para pelajar dengan pelbagi pengetahuan yang baharu.

SUAI KENAL BERSAMA STAF RESIDEN KOLEJ (SRK) KOLEJ DAHLIA

18 - 19 OKT 2021 | WEBEX

Secara keseluruhan, Malam Suai Kenal Bersama Staf Residen Kolej (SRK) Kolej Dahlia telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan daripada warga Kolej Dahlia UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam. Ini dapat dibuktikan dengan komitmen yang ditunjukkan oleh para penghuni Kolej Dahlia UiTM Puncak Alam yang memasuki ke dalam platform "Webex" seawal jam 8:30 malam untuk menyertai dan memeriahkan Malam Suai Kenal Bersama SRK Kolej Dahlia walaupun hanya secara atas talian. Tujuan utama program ini dilaksanakan adalah untuk memperkenalkan Staf Residen Kolej Dahlia kepada para pelajar yang menetap di Kolej Dahlia. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mengukuhkan ukhuwah dan silaturrahim sesama penghuni Kolej Dahlia.

Kelebihan/Kebaikan Program:

- Mengeratkan hubungan ukhuwah antara pelajar dan Staf Residen Kolej (SRK) Kolej Dahlia.
- Melahirkan pelajar yang lebih prihatin terhadap masyarakat sekeliling.
- Mewujudkan sifat keprihatinan dalam kalangan pelajar Kolej Dahlia, UiTM Puncak Alam.
- Menggalakkan pelajar untuk berkomunikasi bersama Staf Residen Kolej (SRK) Kolej Dahlia.

Permasalahan yang timbul:

- Masalah internet yang sedikit mengganggu kelangsungan program.
- Sesi soal jawab ditangguhkan selama beberapa minit.

Kesimpulannya, terdapat kebaikan dan permasalahan yang timbul semasa program ini berlangsung akan tetapi permasalahan tersebut dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin. Oleh itu, program ini berjaya dijalankan dengan lancar pada hari kejadian serta objektif program juga dapat dicapai. Memandangkan program ini mendapat sambutan yang baik, diharapkan agar program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang. Antara cadangan yang boleh dikemukakan jika program ini diteruskan adalah supaya ahli yang terlibat memastikan mereka mempunyai akses internet yang kuat agar dapat mengikuti program sehingga selesai. Selain itu, disarankan juga agar semua warga UiTM dan masyarakat dapat melakukan program dan memberi kerjasama yang sangat baik semasa program dijalankan.

AKTIVITI KOLEJ SUNGAI BULOH & SELAYANG

DARI JUN 2021 SEHINGGA DIS 2021

ANUGERAH TOKOH PERSATUAN DAN PENGHUNI KOLEJ KEDIAMAN UiTM SUNGAI BULOH & SELAYANG

2 OKT 2021 | YOUTUBE 'LIVE' (JPKUSB) & STREAM YARD

Buat pertama kali, program anugerah ini diadakan bagi menghargai pemimpin persatuan di UiTM Sungai Buloh dan Selayang di atas bakat kepimpinan dan kematangan yang ditunjukkan. Bukan itu sahaja, program ini turut memberi penghargaan kepada penghuni kolej yang proaktif dan cergas dengan menyertai program yang dianjurkan persatuan dan peka terhadap hal ehwal kolej. Hadiah yang ditawarkan adalah trofi, wang tunai, sijil dan piala pusingan mengikut kategori yang dipertandingkan iaitu Anugerah Pemimpin Terbaik, Anugerah Kepimpinan Program Terbaik Mengikut Kategori, Anugerah Penghuni Kolej Kediaman Terbaik dan Anugerah Persatuan Terbaik. Program ini telah berjaya melahirkan pemimpin mahasiswa yang berkaliber dan berkarisma yang boleh menjadi ikon penghuni kediaman dan menggalakkan mereka untuk terus menghasilkan program yang berimpak tinggi.







ODL ERGONOMIK: KESELAMATAN DAN KESIHATAN KETIKA BELAJAR

14 FEB - 22 OGOS 2021 | AKAUN RASMI INSTAGRAM JPK

Penularan pandemik Covid-19 menyebabkan kaedah pembelajaran di institusi pendidikan ditukar daripada bersemuka kepada atas talian. Exco Keselamatan JPK mengambil inisiatif untuk memberikan pendedahan kepada pelajar Perubatan dan Pergigian tentang kepentingan ergonomik dalam kehidupan seharian terutamanya ketika pembelajaran ODL di rumah. Dengan menggunakan kaedah infografik yang menarik, antara informasi yang disalurkan adalah cara belajar yang sihat, tips-tips senaman regangan dan susun atur ergonomik di kawasan meja belajar yang betul dan selamat.

Program ini sedikit sebanyak telah memberikan manfaat dan ilmu baharu kepada para pelajar untuk sentiasa menjaga kesihatan diri tidak kira di mana jua berada, sekaligus membantu mereka menjalani pembelajaran secara atas talian dengan lebih produktif dan selamat.

Tarikh dimuat naik ke Instagram JPK	Tajuk poster digital & video pendek
14/2/2021	What is ODL Ergonomics and its importance?
28/2/2021	ODL Ergonomics: Pro and Healthy Tips
14/3/2021	ODL Ergonomics: Home Stretching For Your Spine
28/3/2021	ODL Ergonomics; Correct Sitting and Standing Posture
8/8/2021	Video of Meet Kinah: An ODL students who struggles with ODL
22/8/2021	Video of 5 Useful Ergonomics Tips For ODL Students







EXCO OF THE MONTH

1 FEB - 31 OGOS 2021 | GOOGLE MEET & ZOOM

Program anjuran Exco Sumber Kemanusiaan Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kampus Sungai Buloh dan Selayang ini bermatlamat untuk memberi penghargaan dan dalam masa yang sama menaikkan semangat exco-exco untuk terus menyumbang dalam menjayakan program-program pembangunan pelajar. Pemenang dinilai oleh Pengetua dan Staf Residen Kolej (SRK) berdasarkan laporan program yang dihantar serta undian daripada pihak JPK. Seramai 4 orang pemenang utama telah mendapat hadiah wang tunai dan 5 peserta diberikan hadiah saguhati.

HEART TO HEART

JAN - SEPT 2021 | SOSIAL MEDIA JPK USB

Program 'Heart to Heart' diadakan dengan harapan dapat membantu penghuni kolej untuk mengenali Pengetua Kolej dan barisan Staf Residen Kolej (SRK) dengan lebih rapat serta dapat berkomunikasi dengan lebih baik. Selain itu, program ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk menimba ilmu pengetahuan menerusi perkongsian daripada Pengetua dan SRK. Hasil daripada maklum balas peserta, mereka lebih mengenali SRK melalui video-video tersebut walaupun tidak berada di kolej disebabkan pandemik.

BULAN	MINGGU	PENGUCAP
Mac	3	En. Hilmi Abdullah
April	1	En. Sazwan Samsuddin
Ogos	4	Pn. Suhaili Ajib





PELABURAN PATUH SYARIAH: HALALKAH PELABURAN ANDA?

17 JUL 2021 | GOOGLE MEET/ FACEBOOK 'LIVE'

Matlamat utama penganjuran program ini adalah untuk mendidik peserta untuk memilih pelaburan yang selamat dan mengikut syariat islam memandangkan begitu banyak jenis pelaburan yang boleh dilakukan pada masa sekarang. Ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Muhammad Zuhaili Saiman adalah berkaitan pelaburan yang selamat serta menepati hukum islam dan cara yang betul untuk melabur. Program ini telah berjaya membuka minda peserta supaya tidak terburu-buru dalam membuat pelaburan.



NATIONAL INTER MEDICAL COLLEGE COLLOQUY 1 (NIMCC) 2021

6 - 8 & 10 OGOS 2021 | YOUTUBE JPKUSB & NIMCC

NIMCC 1 merupakan sebuah program interaksi dan pertukaran maklumat antara kolej-kolej kediaman perubatan di Malaysia berkaitan tadbir urus pengurusan kolej, perbincangan isu berkaitan bidang perubatan dan antarabangsa. Selain itu, para peserta juga didedahkan dengan keadaan semasa yang berlaku di Palestin dan memupuk sifat empati dalam diri. Daripada program ini, hubungan persahabatan dan profesional antara kolej-kolej kediaman perubatan di Malaysia telah berjaya diwujudkan.

Senarai penceramah:

Sesi 1: The Role of Leadership in Medical Career
- Dr. Zainal Adwin

Sesi 2: COVID-19 and Vaccination in Public Health Point of View
- Dr. Khairul Hafiz

Sesi 3: Going Ahead With The Unexpected
- Dr. Jezamine Lim

Sesi 4: Palestine Suppression
- Encik Nadir Al-Nuri

JPK E-COMMERCE

11 JUN 2021 | YOUTUBE/ STREAM YARD

Program 'JPK E-Commerce' merupakansebuahplatformbagi mahasiswa yang mempunyai perniagaan kecil untuk mempromosikan perniagaan mereka di samping melahirkan pelajar yang mempunyai semangat keusahawanan dan menaikkan nama UiTM dalam bidang keusahawanan. Program ini dapat memberi peluang kepada golongan usahawan muda untuk meluaskan sasaran pelanggan kepada golongan penonton serta menambah pengalaman dalam mempromosikan produk mereka. Diharapkan program seperti ini dapat dijalankan lagi pada masa akan datang dengan sambutan yang lebih meriah.

JPK TIMELESS

16 NOV 2021 | MEDIA SOSIAL JPK USB

Program JPK Timeless adalah tayangan video pendek yang dihasilkan oleh JPK dengan tujuan untuk memperkenalkan UiTM Sungai Buloh kepada penghuni kolej terutama pelajar kemasukan baharu. Antara isi kandungan video adalah program yang dijalankan oleh pelajar perubatan dan pergigian, kemudahan di fakulti dan kolej kediaman, persatuan dan kelab yang boleh disertai, serta aktiviti-aktiviti berimpak tinggi yang pernah dianjurkan. Melalui video-video yang dimuat naik di laman sesawang rasmi JPK, penonton turut diperkenalkan dengan barisan JPK sebagai peneraju utama dalam memperjuangkan kebajikan pelajar di kolej. Video ini bukan sahaja mampu menjadi e-panduan kepada pelajar malah diharap bakal memperkenalkan identiti JPK dalam kalangan warga kampus khususnya dan ke seluruh UiTM amnya.

JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ UITM
KAMPUS SUNGAI BULOH & SELAYANG

FIQH PERUBATAN: JOM MENDAFTAR VAKSIN COVID-19, CEGAH SEBELUM KALAH

13 JUN 2021 | GOOGLE MEET/ FACEBOOK 'LIVE'/ YOUTUBE STREAM

Persatuan ALIS melakukan sedikit kelainan melalui program ini dengan berkolaborasi bersama beberapa organisasi luar dalam mengadakan program pengisian rohani dan akademik bagi memberi ruang kepada pelajar serta masyarakat awam untuk menimba ilmu agama serta ilmu perubatan terkini. Program ini dijalankan secara maya dan berbentuk forum yang terdiri daripada seorang moderator dan dua orang panel iaitu Profesor Madya Dr. Yasmin Hanani dan Dr. Suhazelibin Abdullah. Sesi soal jawab turut diadakan di akhir forum dan lanjutan daripada itu, kuiz berkaita tajuk forum dijalankan pada 14/6/2021 hingga 17/6/2021 menggunakan platform Quizzizz. Matlamat program berjaya dicapai dengan memberi kesedaran kepada para penonton mengenai kepentingan vaksin COVID-19 dan peserta juga aktif bersoal jawab bersama panel.



AKTIVITI KOLEJ JASMIN
DARI JUN 2021 SEHINGGA DIS 2021

PROTECH: BASIC VIDEO EDITING

15 DIS 2021 | 8:30 PM | GOOGLE MEET

Program Protech: Basic Video Editing adalah program yang diadakan Jawatankuasa Perwakilan Kolej Jasmine. Program ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan mengenai bidang teknologi kepada komuniti Kolej Jasmine. Hal ini juga bertujuan untuk melahirkan mahasiswa yang peka dalam bidang teknologi. Natijahnya, program ini dapat melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah cemerlang dalam bidang teknikal.





BUILDING A BETTER MENTAL HEALTH

4 DIS 2020 | 9:00 PM | FACEBOOK RASMI JPKPP

Program Building a Better Mental Health adalah program yang diadakan Jawatankuasa Perwakilan Kolej Jasmine. Program ini dijalankan adalah untuk memberi kesedaran dan pendedahan mengenai kesihtan mental kepada komuniti Kolej Jasmine. Hal ini juga bertujuan untuk memberikan ruang kepada para pelajar untuk mengesan keadaan kesihatan mental mereka. Natijahnya, program ini dapat menyedarkan para pelajar yang berhadapan masalah kesihatan mental untuk mendapatkan rawatan yang sepatutnya dari pihak professional.



JASMINE PHOTO APPRECIATION FRONTLINERS

Pelaksanaan program Jasmine Photo Appreciation Frontliners merupakan program secara atas talian melalui media sosial. Para pelajar dan masyarakat mengetahui bahawa di negara Malaysia mempunyai ramai frontliners yang telah banyak mencurahkan bakti dan pengorbanan mereka untuk mencegah penularan wabak Koronavirus Covid 19. Maka dengan itu, tujuan utama pelaksanaan program iaitu memberi peluang dan ruang kepada para pelajar untuk menunjukan sokongan dan penghargaan mereka kepada frontliners negara melalui media sosial.

SEMBANG SUKAN

21 DIS 2021 | INSTAGRAM RASMI

Perlaksanaan program Sembang Sukan merupakan satu program daripada Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK), Kolej Jasmine dalam usaha untuk melahirkan mahasiswa/i yang mempunyai kecemerlangan yang bukan sahaja dalam akademik bahkan juga cemerlang dalam bidang sukan. Selain itu, program ini adalah bertujuan untuk menerapkan amalan budaya sukan sekaligus mewujudkan sifat kecederungan melalui minat dan juga bakat mahasiswa dan mahasiswi dalam aktiviti sukan pada musim Covid-19 ini. Program ini dapat menjalinkan hubungan antara para Atlet Negara bersama mahasiswa/i dalam berkongsi pengetahuan mengenai budaya sukan serta pengalaman dalam menjalani aktiviti sukan pada musim Covid-19 ini. Di samping itu, menerusi program ini juga dapat membina dan memupuk semangat kesukanan di kalangan mahasiswa dan mahasiswi agar dapat melahirkan generasi yang sihat, cergas, aktif dan berwawasan. Ianya juga dapat memberi impak yang positif terhadap masyarakat terhadap kegiatan sukan sewaktu musim Covid-19.

JASMINE TALK: LEADERS EDITION 1.0

OKT 2020 - JAN 2021

- Program anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Jasmine
- Bertujuan untuk melatih bakat dalam mengendalikan program
- Pelaksanaan program bersifat video pendek yang disampaikan oleh panel daripada beberapa universiti lain.
- Menguji kefahaman peserta dalam memahami kandungan video untuk diaplikasikan semasa menjawab soalan berkaitan dengan video yang diberi.
- Video-video tersebut dapat memberi manfaat kepada peserta kerana pengisian video yang berunsurkan ilmiah dan keagamaan yang mampu diterapkan oleh peserta untuk digunakan dalam kehidupan seharian.
- Bermula 24/10/2020 sehingga 23/1/2021
- Program berformat video pendek
- Berkolaborasi dengan beberapa Universiti tempatan
- Disampaikan oleh seorang panel setiap minggu daripada kalangan pelajar daripada Universiti tempatan lain
- Jumlah panel terdiri daripada 14 orang
- Tajuk pengisian video berunsurkan ilmiah, keagamaan yang bersesuaian dengan pelajar.

KOLEJ JASMIN

BELIEVE IN MIRACLE

24 DIS 2020 | 9:00 PM | 'LIVE' INSTAGRAM

Pelaksanaan program ini adalah berbentuk motivasi yang akan memupuk semangat untuk mencapai impian. Pelaksanaan program ini juga akan menampilkan panel yang akan memberikan motivasi. Panel yang dimaksudkan terdiri daripada Pensyarah dalam Pengajian Kauseling dari Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) Oleh itu, program ini dapat membantu pelajar dalam menceburi dalam pelbagai bidang kelak untuk merealisasikan impian yang diinginkan. Dalam masa yang sama, medium bagi pengisian program ini akan berlangsung secara siaran langsung. Topik yang akan difokuskan adalah berunsurkan ilmiah dan rohani. Kesemua topik ini bersesuaian dengan isu-isu yang sering dikaitkan dalam kalangan para pelajar.

Program Believe In Miracle ini dianjurkan pada 24/12/2020 pada waktu malam.Program ini bersiaran secara langsung di medium platform akaun rasmi Instagram Kolej Jasmine @jpkpp. Program ini telah menjemput seorang panel iaitu Puan Rosdiana binti Saharum dan juga merupakan Pensyarah Kaunseling Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Tujuan program ini dianjurkan adalah untuk membantu golongan pelajar untuk membantu dalam menerapkan nilai-nilai yang diperlukan untuk menjadi pelajar yang mampu berfikir secara professional. Sasaran program ini adalah mahasiswa/i Koleh Jasmine, UiTM Kampus Puncak Perdana.Walaubagaimanapun, terdapat sesetengah pelajar dari Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) turut menyertai program ini. Anggaran perbelanjaan adalah RM0 disebabkan 100% melalui media massa.







TALENT STAR

13 - 26 DIS 2020

Jawatankuasa Perwakilan Kolej Jasmine merupakan satu persatuan yang terdiri dari dua fakulti yang berbeza iaitu Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) dan Fakulti Filem, Teater dan Animasi (FiTA) di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Puncak Perdana. Jawatankuasa perwakilan kolej (JPK) jasmine bercadang ingin mengadakan satu program iaitu TALENT STAR bagi tujuan memenuhi keperluan kolej dalam melakukan aktiviti yang memberikan manfaat kepada pelajar berikutan situasi sekarang yang menyukarkan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Jasmine mengadakan satu program secara bersemuka dengan pelajar. Program TALENT STAR ini memberi peluang kepada para mahasiswa/i Kolej Jasmine untuk memantapkan bakat seni masing-masing yang terpendam untuk ditonjolkan kepada masyarakat.

VIRTUAL QURAN RECITAL

19 NOV 2020 | 7:30 PM - 8:30 PM | GOOGLE MEET

Pelaksanaan program Virtual Quran Recital ini merupakan program secara atas talian melalui medium Google Meet berikutan dengan isu Covid-19 yang telah melanda dunia. Pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk menerapkan amalan keagamaan melalui pembangunan spiritual dalam diri pelajar. Program ini dapat menjalinkan hubungan antara para pelajar bersama pihak penganjur. Selain itu, menerusi program ini juga dapat membina dan memupuk nilai keagamaan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi agar dapat melahirkan generasi yang berwawasan dan harmoni.





COVID-19 YOUTH VOICE

15 DIS 2021 | 8:30 PM | GOOGLE MEET

Program COVID-19 Youth Voice adalah sebuah program yang dianjurkan oleh dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) Kolej Jasmine UiTM Puncak Perdana demi mengetengahkan penghargaan terhadap jentera barisan hadapan (frontliners) terhadap negara dalam menangani pandemik. Program ini juga akan dapat melatih mahasiswa untuk melahirkan pendapat dan suara hati dengan menggunakan bahasa yang berseni dan bermakna serta memberi manfaat kepada setiap individu yang membacanya.

KOLEJ JASMIN

MALAM ASPIRASI PENGETUA

20 DIS 2021 | 8:30 PM | FACEBOOK 'LIVE'

Program Malam Aspirasi Pengetua untuk menerapkan sifat keusahawanan dalam diri pelajar dalam kehidupan seharian. Program ini dapat menjalinkan hubungan antara para bersama pihak penganjur. Menerusi program ini juga dapat membina dan memupuk semangat dalam merelisasikan harapan yang diberikan oleh pengetua dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi agar dapat melahirkan generasi yang berwawasan dan harmoni sewaktu musim Covid-19.





AKTIVITI UNIT SUKAN
DARI JUN 2021 SEHINGGA DIS 2021

KARNIVAL SUKAN MAHASISWA UiTM “VIRTUAL EDITION” 2021

26 FEB - 2 MAC 2021 | ATAS TALIAN

Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARiSMA) “Virtual Edition” 2021 merupakan sebuah kejohanan yang julung kali diadakan sebagai alternatif kepada KARiSMA yang tidak dapat dilaksanakan atas faktor kekangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

UiTM Cawangan Selangor telah Berjaya menjadi Juara Keseluruhan bagi KARiSMA “Virtual Edition” 2021 dengan menewaskan pencabar daripada UiTM seluruh sistem dan membawa pulang Dua Emas, Tiga Perak dan Satu Gangsa.

ASID e-SPORT

26 FEB - 3 MAC 2021 | ATAS TALIAN

ASID e-Sport merupakan kejohanan sukan atas talian yang dikelolakan oleh Staf Unit Sukan UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil dengan menawarkan Pertandingan e-sukan seperti Mobile Legends dan PlayerUnknown’s BattleGrounds (PUBG). Seramai 147 orang mahasiswa Pusat Asasi UiTM Dengkil telah menyertai kejohanan ini. Kejohanan ini juga telah didaftarkan di bawah PI ke 42 (e-War) yang ditetapkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM Cawangan Selangor bagi tahun 2021.

SUKAN ASASI MALAYSIA (SAM) 2021

20 - 28 MAC 2021 | ATAS TALIAN

Ekoran daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat Pandemik COVID-19, Sukan Asasi Malaysia (SAM) 2021 juga telah dilaksanakan secara atas talian. Kejohanan tersebut dianjurkan oleh Universiti Malaya dengan 22 orang mahasiswa UiTM di Pusat Asasi menyertainya. Pertandingan yang ditawarkan ialah PlayerUnknown's BattleGround (PUBG) dan juga Mobile Legends.

UiTM INTERNATIONAL SPORT FIESTA (e-SPORTS) 2021

4 - 6 MAC 2021 | ATAS TALIAN

UiTM INTERNATIONAL SPORT FIESTA (UiSF e-SPORTS) 2021 merupakan sebuah kejohanan yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari 4 hingga 6/3/ 2021. Kejohanan ini disertai oleh lima buah negara iaitu Singapura, Indonesia, Brunei, Filipina dan Nepal. Terdapat 2 acara yang dipertandingkan dalam kejohanan ini iaitu Mobile Lagend dan PlayerUnknwon's Battlegrounds (PUBG).

Wakil peserta dari UiTM Cawangan Selangor yang mewakili UiTM telah berjaya mendapat tempat ketujuh Keseluruhan bagi UiSF e-SPORTS 2021 dalam pertandingan PUBG.

KARNIVAL SUKAN STAF (KARISTA) “VIRTUAL EDITION” 2021

2 - 4 APR 2021 | ATAS TALIAN

Karnival Sukan Staf (KARISTA) “Virtual Edition” 2021 merupakan sebuah kejohanan yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang merupakan sebuah kejohanan yang julung kali diadakan sebagai alternatif kepada KARISTA yang tidak dapat dilaksanakan atas faktor kekangan Perintah Kawalan Pergarakan (PKP). Karnival ini diadakan pada 2 hingga 4/4/2021.

Seramai 31 orang peserta dari UiTM Cawangan Selangor telah menyertai karnival tersebut. UiTM Cawangan Selangor juga telah berjaya menjadi johan keseluruhan bagi Karnival Sukan Staf (KARISTA) “Virtual Edition” 2021 dengan memenangi satu pingat emas dalam acara PUBG, pingat perak bagi dua acara iaitu FIFA 21 dan Call Of Duty Mobile serta satu pingat gangsa bagi acara Pro Evolution Soccer (PES).

SPORT LEADERSHIP: EFFECTIVE LEADERSHIP INFLUENCE TEAM PERFORMANCE

25 OGOS 2021 | 10 AM - 12 PM | ATAS TALIAN

Program Sport Leadership: Effective Leadership Influences Team Performance merupakan sebuah program bicara forum yang membabitkan atlet kebangsaan dan antarabangsa. Panelis yang terlibat ialah Encik Victor Nirennold yang merupakan pemain antarabangsa dan Ketua Pasukan UiTM FC (Liga Super 2021) serta Cik Steffi Sarge Kaur, Ketua Pasukan Futsal Wanita Malaysia. Program ini telah Berjaya dilaksanakan dengan berkesan dengan mengetengahkan bakat moderator seorang mahasiswi iaitu Saudari Nurhasanah Haron daripada Jawatankuasa Sukan Pelajar (JSP) UiTM Cawangan Selangor. Seramai 95 orang peserta telah menyertai program yang dijalankan secara atas talian (Google Meet) melibatkan pelajar, staf dan jurulatih UiTM FC.

KEJOHANAN CATUR ONLINE UiTM JOHOR 2021

28 OGOS 2021 | ATAS TALIAN

Kejohanan catur online UiTM Johor 2021 merupakan sebuah kejohanan yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM), kampus Johor pada 28/8/2021. Kejohanan ini dibahagikan kepada empat kategori, bawah 19 tahun, bawah 18 tahun, bawah 15 tahun, bawah 12 tahun dan terbuka, untuk kategori terbuka ia dibahagi dengan dua ketegori iaitu kategori pelajar UiTM terbaik dan staf UiTM terbaik. Kejohanan ini disertai oleh seluruh pemain catur di Malaysia.

Lima orang mahasiswa UiTM Cawangan Selangor telah menyertai kejohanan ini dan seorang mahasiswa telah memenangi kategori pelajar UiTM terbaik.

FIT YOUR BODY: VIRTUAL INDOOR WORKOUT

14 JUL 2021 | 5:30 PM | ATAS TALIAN

Program Fit Your Body: Virtual Indoor Workout ini merupakan program senaman yang dikendalikan sendiri oleh staf Unit Sukan. Program ini menyasarkan golongan awam amnya dan khususnya kepada pelajar bagi mengurangkan rasa stress dan tekanan sepanjang pembelajaran akademik secara atas talian. Dalam masa yang sama, aspek kesihatan secara fizikal dan mental dapat dipertingkatkan meskipun aktiviti senaman tersebut di buat di dalam rumah atau Kawasan persendirian.

UiTM SPORTS ACADEMIC TRIATHLON (UiSAT) 2021

11 - 12 NOV 2021 | ATAS TALIAN

UiTM Sports Academic Triathlon (UiSAT) 2021 merupakan sebuah kejohanan yang dianjurkan oleh pusat sukan UiTM adalah kejohanan buat julung kalinya yang diadakan di Malaysia. Inisiatif Kejohanan UiSAT 2021 ini dirancang ketika dunia masih lagi berdepan dengan pandemik Covid-19. Kejohanan yang berbentuk "Intellectual Games" dengan berfaktakan sukan ini berlangsung secara Virtual selama 2 hari iaitu pada tarikh 11 dan 12/11/2021 (Khamis dan Jumaat). Kejohanan ini telah disertai oleh semua kampus cawangan seluruh system UiTM. Terdapat tiga acara yang dipertandingkan dalam kejohanan ini iaitu pertandingan pidato, soalan objektif dan kuiz.

UiTM Cawangan Selangor telah menghantar seramai 15 orang peserta untuk bertanding dan berjaya memperoleh satu pingat perak dari acara kuiz kategori wanita. Manakala bagi acara Kuiz Kategori Lelaki UiTM Cawangan Selangor menamatkan pertandingan di peringkat suku akhir. Bagi Acara Pidato Kategori Lelaki dan Wanita, kedua-duanya telah berjaya mara ke pusingan terakhir. Akhir sekali, bagi Acara Objektif Kategori Lelaki dan Wanita layak sehingga ke pusingan kedua.

ASEAN UNIVERSITY SPORTS COUNCIL (AUSC) VIRTUAL FIT CHALLENGE

13 - 20 SEPT 2021 | ATAS TALIAN

AUSC Virtual Fit Challenge merupakan sebuah kejohanan yang dianjurkan oleh Pusat Sukan UiTM. Inisiatif Program ini dirancang ketika dunia masih lagi berdepan dengan pandemik Covid-19. Program yang bertujuan untuk meningkatkan kecergasan pelajar dengan sentiasa bersenam dan menjalani cara hidup sihat telah berlangsung secara Virtual selama 8 hari iaitu pada 13 hingga 20 /9/ 2021. Program ini telah disertai oleh semua kampus cawangan seluruh sistem UiTM. 8 orang mahasiswa dari UiTM Cawangan Selangor menyertai kejohanan ini.

Terdapat pelbagai jenis cabaran aktiviti bersenam yang diadakan di dalam Program AUSC Virtual Fit Challenge ini. Antaranya ialah Burpees Challenge, Figure of 8 Challenge, Keep It Up Challenge, Mountain Climb Challenge, Plank Challenge, Push Yourself Challenge, Skipping Rope Challenge, Speed Bounce Challenge, Star Jump Challenge dan Wall Squat Warrior Challenge.

KEJOHANAN LIGA UTAMA PERINGKAT KEBANGSAAN 2021

SEPANJANG 2021

UiTM FC (Liga Super dan Piala Presiden)

Kelab Bola Sepak UiTM (UiTM FC) meneruskan saingan dalam Liga Super 2021 sebagai pencabar yang digeruni selepas mencapai keputusan yang sangat cemerlang dalam kejohanan tersebut dengan mendapat tempat ke enam carta liga pada tahun 2020. Seramai 33 orang mahasiswa daripada Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi UiTM Cawangan Selangor telah terpilih mewakili UiTM FC. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2021, Liga Super dan Liga Premier sahaja dipertandingkan, manakala Piala Presiden terpaksa dibatalkan akibat penularan Pandemik Covid 19 yang masih di tahap yang membimbangkan.

Netball Super League

Liga Bola Jaring Kebangsaan telah dijalankan pada bulan Mac dan April 2021. Empat orang Mahasiswi UiTM Cawangan Selangor telah menyertai Kelab-kelab yang bertanding dalam kejohanan tersebut. Penglibatan mereka telah menaikkan nama mahasiswi UiTM Cawangan Selangor meskipun terpaksa bersaing dengan pemain-pemain profesional lain dalam pasukan-pasukan yang yang bertanding.

Liga Hoki Malaysia TNB/MHL (Lelaki)

Kejohanan Liga Hoki Malaysia TNB/MHL telah berlangsung pada bulan Mac dan April 2021. Pasukan UiTM telah menyertai kejohanan berprestij tersebut dengan penglibatan lima orang pelajar Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi UiTM Cawangan Selangor.

AKTIVITI GP UCS

GABUNGAN PENGETUA UiTM CAWANGAN SELANGOR

DARI JUN 2021 SEHINGGA DIS 2021

PROGRAM BARAKAH RAMADHAN UCS

1 MEI 2021 | SURAU IBNU SINA

Gabungan Pengetua UiTM Cawangan Selangor (GPUCS) dengan kerjasama daripada pelbagai pihak seperti Unit Hal Ehwal Islam (UHEI), Polis Bantuan UCS (PBUCS), Staf Residen Kolej (SRK), beserta dengan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) akan menganjurkan program usahasama Barakah Ramadhan. Program ini terdiri daripada 2 aktiviti utama, iaitu; (i) memasak dan mengedarkan bubur lambuk, dan (ii) mengedarkan sumbangan bahan makanan. Tujuan utama penganjuran program ini adalah untuk memberikan ruang untuk para pelajar (khususnya) serta warga UCS (amnya) untuk menyertai aktiviti kemasyarakatan. Kolaborasi antara beberapa pihak untuk penganjuran program ini dapat merapatkan lagi ukhwah di antara mereka, di samping bersama-sama menyumbangkan tenaga dan/atau wang ringgit demi membantu golongan yang memerlukan.

Program memasak, membungkus dan mengedar bubur lambuk akan dijalankan secara gotong-royong oleh semua peserta program. Bubur lambuk yang telah dibungkus akan diagih-agihkan kepada setiap kolej (untuk pelajar), kepada warga UCS Kampus Puncak Alam yang akan pulang berbuka puasa di rumah (pengedaran secara drive through), serta kepada para pegawai polis di Balai Polis Saujana Utama. Bantuan barangan keperluan makanan pula akan diedarkan ke Maahad Tahfiz di Fasa 1, Bandar Puncak Alam oleh Profesor Rektor UCS.

Secara keseluruhannya, program Barakah Ramadhan UCS yang dianjurkan ini berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang positif daripada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun bukan secara langsung. Kami percaya bahawa program ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Kami juga berharap agar program ini akan diteruskan lagi pada masa hadapan.

AKTIVITI UNIT PERKHIDMATAN OKU
DARI JUN 2021 SEHINGGA DIS 2021

PEMBERIAN SUMBANGAN BAUCER DISKAUN KEPADA PELAJAR B40 & PELAJAR OKU KAMPUS PUNCAK ALAM DARIPADA PENGUSAHA KAFE RICHIAMO, AT-TIJARAH

Pada 11/12/2021, Unit Perkhidmatan OKU (UPO) UiTM dengan kerjasama Unit Pengurusan Kolej Kampus Puncak Alam telah menyampaikan baucer makanan Kafe Richiamo kepada 600 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar B40 & pelajar OKU Dari Kampus Puncak Alam.

Telah menjadi misi & visi Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Unit Perkhidmatan OKU untuk merealisasikan sumbangan seperti ini sebagai tanda kasih & prihatin kami kepada kumpulan Pelajar B40 & Pelajar OKU.

Seorang pelajar Kolej Dahlia, Noor Anis Natasya Azman, 21, berkata beliau bersyukur & gembira atas sumbangan tersebut.

"Saya berasa gembira mendapat baucer berkenaan kerana setelah bertungkus lumus menyiapkan tugasan & ujian pada minggu-minggu akhir ini, dengan baucer ini saya dan rakan rakan dapat 'enjoy' bersama sama pada hujung minggu."

PELAJAR OKU KOLEJ DAHLIA, KAMPUS PUNCAK ALAM

Pada 2/12/2021, UPK Dahlia telah menerima surat permohonan dari pelajar OKU yang memohon kenderaan yang lebih praktikal dengan keadaan fizikal beliau. Pelajar ini menginap di blok Dahlia 1, Kolej Dahlia (aras bawah).

Saudari Khairunnur Ain merupakan merupakan pelajar Semester 1 daripada Program HM252, Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan, Hasil perbincangan UPK Dahlia bersama Unit kenderaan dengan sokongan YBrs. Profesor Madya Dr. Badrul Isa, telah bersetuju untuk menyediakan pengangkutan ini sehingga ketetapan baru dibuat.

Destinasi pengangkutan adalah ke fakulti untuk kelas 'kitchen' yang akan berlangsung pada setiap Isnin (2:00 petang - 8:00 malam) dan Selasa (8:00 pagi - 2:00 petang).



AKTIVITI UNIT PENTADBIRAN HEP
DARI JUN 2021 SEHINGGA DIS 2021

KELAS PENGAJIAN KITAB

6/13/20/27 NOVEMBER/11 DISEMBER 2021 | 8.00 PM – 9.00 PM | FACEBOOK LIVE

Program yang dilakukan oleh Persatuan Rakan Masjid adalah bagi menyediakan mahasiswa dan mahasiswi UiTM Kampus Puncak Alam untuk mendalami kitab seperti Kitab Ayyuhal Walad dan Kitab Apa Ertinya Aku Menganut Agama Islam supaya dapat memahami islam dengan lebih baik dan sempurna. Program ini telah disertai oleh 319 orang pelajar. Program ini berjaya memupuk budaya mencari ilmu agama di kalangan mahasiswa dan mahasiswi UiTM Puncak Alam. Program ini juga membentuk mahasiswa dan mahasiswi yang menghayati dan mengamalkan nilai-nilai islam dalam kehidupan seharian serta mengeratkan hubungan silaturrahim antara pelajar UiTM Kampus Puncak Alam dengan pihak pentadbiran Hal Ehwal Islam selain dari dapat mengeratkan generasi dalam kalangan pelajar UiTM yang celik ilmu agama supaya dapat menyumbang kepada masyarakat.

KELAS PENGAJIAN AL-QURAN

2/9/16/23 NOVEMBER/7 DISEMBER 2021 | 8.30 PM – 9.30 PM | FACEBOOK LIVE

Kelas tafsir Al-Quran ini merupakan satu program yang menyediakan mahasiswa dan mahasiswi UiTM Kampus Puncak Alam untuk mendalami ilmu tafsir Al-Quran supaya dapat memahami isi kandungan Al-Quran dengan lebih baik dan sempurna. Program ini telah disertai oleh 310 orang pelajar. Pencapaian yang diperolehi dari aktiviti ini adalah melahirkan generasi dalam kalangan pelajar UiTM yang dapat memahami isi kandungan Al-Quran dengan sempurna. Selain itu, aktiviti ini dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara pelajar UiTM dengan pihak pentadbiran Hal Ehwal Islam. Program ini juga dapat mewujudkan suasana pembudayaan Al-Quran dalam kalangan pelajar UiTM Kampus Puncak Alam.

PROGRAM PERTANDINGAN DEBAT SISWA (DESISWA), ANJURAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

28-30 MEI 2021 | YOUTUBE LIVE

Pasukan Debat Bahasa Melayu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Alam, telah menyertai Pertandingan Debat Mekar Siswa (DESISWA) Tahun 2021 secara atas talian di Youtube Live Urusetia Perucapan Umum Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 28 sehingga 30 Mei 2021 dengan menghantar dua (2) kumpulan iaitu kumpulan UiTM Puncak Alam A dan UiTM Puncak Alam B. Penyertaan ini bertujuan untuk memberi pendedahan baru mengenai format pertandingan Debat Ala-Parlimen khususnya untuk pendebat-pendebat muda UiTM Puncak Alam. Pertandingan ini menjadi platform dan ruang untuk para pendebat menambahbaik dan meningkatkan prestasi mereka dalam bidang pengucapan awam serta membudayakan seni pendebatan dan pengucapan dalam kalangan mahasiswa UiTM bagi melahirkan pendebat yang berfikiran kritis dalam menghadapi masa hadapan. Selain itu, program ini juga dapat dijadikan sebagai medan persediaan untuk memantapkan pasukan debat UiTM Puncak Alam dalam menghadapi pertandingan debat di peringkat kebangsaan dan intervarsiti. Sepanjang pertandingan, pasukan debat UiTM Puncak Alam A berjaya memperoleh dua (2) kemenanagan dan tiga (3) kekalahan di peringkat Liga Debat Mekar Siswa. Manakala pasukan debat UiTM Puncak Alam B berjaya memperoleh satu (1) kemenanagan dan empat (4) kekalahan di peringkat Liga Debat Mekar Siswa. Meskipun tidak berjaya mara ke peringkat akhir, pertadingan ini merupakan medium yang lebih praktikal sebagai persediaan yang lebih mantap dan menjaga kondebat konsistensi para pendebat muda untuk memasuki pertandingan pertandingan debat peringkat intervarsiti yang bakal diadakan sepanjang tahun.

KEPUTUSAN PUSINGAN LIMA

NO	PASUKAN	MENANG	MARGIN	MARKAH
11	UNISZA A	3	4	1286
12	UNISZA C	3	4	1273
13	IPGM D	3	3.5	1295
14	UITM SHAH ALAM B	3	2	1293
15	UPSI A	3	1.33	1316.33
16	PKS	3	1	1325
17	UITM SHAH ALAM A	3	0.33	1274
18	UNISZA B	3	0	1324.67
19	UTHM	3	-1	1305
20	UITM PUNCAK ALAM A	2	2	1098

KEPUTUSAN PUSINGAN LIMA

NO	PASUKAN	MENANG	MARGIN	MARKAH
31	UTM	1	-3	1320
32	UITM TERENGGANU B	1	-4	1310
33	UPNM A	1	-6	1266
34	UITM PUNCAK ALAM B	1	-11	1311
35	UITM JASIN	1	-13	1031
36	MAHASISWI NEGARA	0	-9	1264

PROGRAM SAYEMBARA ANTARABANGSA: PIDATO ALAM MELAYU UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) 2021

10 OKTOBER – 06 NOVEMBER 2021 | YOUTUBE LIVE

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah mengadakan pertandingan pidato di peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada 10 Oktober sehingga 6 November 2021 secara di atas talian (Youtube Live). Pertandingan ini adalah untuk memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa sambil menyemai perasaan cinta akan warisan Bahasa Melayu melalui pengucapan awam.penyertaan pada peringkat Kebangsaan terbuka kepada pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT), manakala peringkat antarabangsa penyertaannya terbuka kepada orang awam. Pertandingan ini juga berupaya menguji kemampuan sebenar para pemidato muda untuk sentiasa berdaya saing, kritis dan kreatif daripada pemidato-pemidato institut Pendidikan yang lain. Selain itu, pertandingan menjadi platform untuk mengasah pemikiran untuk sentiasa cakna dengan isu semasa dan perkara terkini yang menghambat situasi pemikiran anggota masyarakat dan golongan mahasiswa yang terpelajar. Meskipun pemidato muda ini baru berkecimpung dalam bidang pengucapan awam, mereka berupaya mencabar keberanian dan kemandirian ilmu pengetahuan am mahasiswa untuk berhujah dan hadir dengan solusi terhadap permasalahan dan kesulitan isu-isu semasa yang ditimbulkan mengenai tajuk yang diberikan. Bahkan, mereka dapat menguji tahap sebenar keupayaan dan pemerkasaan pemidato UiTM Kampus Puncak Alam. Sepanjang pertandingan ini, salah seorang wakil pidato UiTM Puncak Alam, saudara Rasydan bin Mohd Hassan berjaya memperolehi Johan Pertandingan Sayembara Antarabangsa: Pidato Alam Melayu Universiti Teknologi Mara (UiTM) 2021.

PALAM DENGUE PREVENTION

6-11 NOVEMBER 2021 | FACEBOOK DAN INSTAGRAM

Program Ini Dijalankan Bertujuan Untuk Memberi Kesedaran Dan Pendidikan Kesihatan Kepada Masyarakat Setempat Termasuk Pelajar UiTM Mengenai Langkah-Langkah Pencegahan Penyakit Demam Denggi. Selain Itu Program Ini Juga Bertujuan Untuk Memupuk Semangat Kerjasama Antara University Dan Agensi Dalam Membantu Masyarakat Menangani Penyakit Demam Denggi Dan Kawalan Nyamuk Aedes.

Program Ini Telah Diadakan Secara Online Pada Tarikh 6 November – 11 Disember 2021 Menggunakan Platform Facebook Dan Laman Media Sosial Instagram Juga Tiktok. Penyertaan Adalah Dianggarkan Seramai 800 Orang Pelajar Dan Staf. Program Ini Adalah Kerjasama Dengan Ibu Pejabat Kebangsaan Bulan Sabit Merah Malaysia, Fakulti Sains Kesihatan, Uitm Cawangan Selangor, Integrated Mosquito Research Group (Imerge) Dan Pusat Kesihatan Daerah (Pkd) Kuala Selangor Dengan Tajaan Daripada Telekom Malaysia.





PSYCHOLOGICAL FIRST AID (PFA) & MENTAL HEALTH SKILL

BULAN NOVEMBER – DISEMBER 2021 | PLATFORM WEBEX/ZOOM/ GOOGLE MEET



Program 'Psychological First Aid (PFA) & Mental Health Skill' merupakan program yang menekankan aktiviti Psychological First Aid (PFA) yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) cabang UiTM (Kampus Puncak Alam) dengan kerjasama Telekom Malaysia (TM) Berhad dan 'Malaysian Red Crescent Society (MRCS)'. Program ini merupakan satu pendekatan untuk memberi kesedaran kepada mahasiswa mengenai kesihatan mental.

Objektif program tersebut adalah untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai kesihatan mental dan penyakit mental serta tanda-tanda bila perlu dirujuk. Selain itu, ianya memberi pengetahuan dan kemahiran kepada peserta mengenai bantuan asas psikologi (PFA). Program ini telah dijalankan pada bulan November – Disember 2021 dengan menggunakan platform Google Meet dan Webex/Zoom.

PROGRAM CERIA PERPADUAN

1-30 NOVEMBER 2021 | TADIKA PERPADUAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Persatuan Sekretariat Rukun Negara dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Wilayah Persekutuan Putrajaya, JPK Kolej Tualang & Dahlia, Pusat Asasi UiTM Kampus Dengkil telah menganjurkan Program Ceria Perpaduan; Tadika Perpaduan, iaitu satu projek mural yang bakal menjadi 'landmark' atau identity yang mampu meningkatkan imej Tadika Perpaduan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Objektif program ini adalah bertujuan menarik minat pelajar dan ibu bapa menggunakan Tabika Perpaduan Sebagai sebagai media Pendidikan prasekolah anak mereka. Selain itu, program ini juga memberi peluang menyemai dan memperkukuhkan semangat perpaduan di kalangan mahasiswa/i UITM sepanjang penganjuran program.

Program tersebut telah berlangsung pada Tarikh 1-30 November 2021 bertempat di sekitar Kawasan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan melibatkan seramai 5 orang staf dan 12 orang pelajar.

PERTANDINGAN POSTER DIGITAL

20 OGOS – 3 SEPTEMBER 2021 | GOOGLE MEET

Pertandingan Rekaan Poster Digital, Semarak Perpaduan: Bulan Kebangsaan 2021 diadakan bertujuan bagi menyemarakkan semangat patriotik dan kecintaan kepada negara sempena sambutan bulan kemerdekaan. Seterusnya, program ini juga bertujuan untuk mencungkil bakat anak muda terutamanya pelajar. Pertandingan ini berlangsung selama dua minggu. Penyertaan adalah dikalangan mahasiswa/ mahasiswi daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam & Swasta, Politeknik, Kolej Komuniti, Institusi Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Kolej Matrikulasi. Mesyuarat pertama bersama Kementerian Perpaduan Negara berlangsung pada 13 Ogos 2021 diikuti dengan penubuhan jawatankuasa (Pengurusan & Perlaksanaan) dan seterusnya penyediaan kertas kerja & syarat penyertaan. Hebahan program dijalankan melalui media sosial.

Pogram ini dijalankan secara online melalui aplikasi Google Form pada 20 Ogos – 3 September 2021 yang disertai oleh 55 buah IPTA dan IPTS seluruh Malaysia. Seramai 277 orang pelajar terlibat dalam program tersebut.

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua yang telah terlibat dalam menyumbangkan idea dan tenaga bagi menerbitkan Buku Lakaran Gemilang HEP UCS.

JAWATANKUASA

Penaung
Profesor Dr. Ahmad Sazali Hamzah

Ketua Projek
Profesor Madya Dr. Badrul Isa

Jawatankuasa Induk
Profesor Madya Ts. Dr. Sabaianah Bachok
Dr. Firdaus bin Ahmad Fauzi
Dr. Tuan Badrol bin Tuan Besar
Encik Irwan bin Zakaria
Encik Muhammad Hafizi bin Zamri
Puan Ts. Rd. Aidifitrina binti Khirotdin
Encik Mahadi bin Kamaludin

Jawatankuasa Kerja
Anasyuha binti Elias
Rose Linda binti Zakaria
Nur Izzati binti Shaharuddin
Muhammad Farid bin Muhamad Ismail
Noorizan binti Che Rashid
Malissa binti Mohamed
Ahmad Fuzairi bin Ahmad Faizal
Raja Nazura binti Raja Anis
Ahmad Omar bin Yaman
Roslimi bin Ariffin
Ardey bin Agimin
Mohd Faridz Riza Ash bin Ridzwan Ash
Nur Sabrina binti Muhamad

Rekaan Grafik
Encik Jamil Iswan bin Daud
Encik Mohd Mazli bin Mohd Hamid

Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor
Kampus Puncak Alam, 42300 Bandar Puncak Alam,
Selangor,Malaysia.

Tel : +603-3258 4000
Fax : +603-3258 4019
Email : bhepucs@uitm.edu.my

ISBN 978-967-26860-0-2

9 7 8 9 6 7 2 6 8 6 0 0 2

LAKARAN GEMILANG HEP UCS MAC 2020 - DIS 2021